14.6 DISCLOSURE

The Bank shall have the right to check the credit standing of any applicant for the Card and/or to check the credit standing of the Cardmember at any time as and when the Bank deems fit without reference to the Cardmember, with his employer or principal or any credit reporting agency licensed under the Credit Reporting Agencies Act 2010. The Cardmember hereby authorises the Bank and/or its officers to make use of, disclose, divulge or reveal any information relating to the Cardmember, his Card Account or the

conduct thereof (financial or otherwise) in such manner and to such extent as the Bank shall from time to time consider necessary:

(a) To any merchant, any bank or financial institution or to any party, including but not limited to AIA, Petron and/or Public Mutual, as the case may be, Visa International Services Association and/or Mastercard Worldwide and any member institution of Visa International/Mastercard Worldwide for any purpose or to facilitate the use of the Card or the processing of any transaction effected or to be effected through the use of the Card or any investigation in relation to any claim of any use or purported use or misuse of the Card;

(b) To the Bank's advisors or consultants including but not limited to its lawyers, accountants and auditors for or in connection with any claim made, any action or proceeding taken for the purpose of recovery of monies due and payable by the Cardmember to the Bank under this Agreement;

(c) To any authority or bureau established by Bank Negara Malaysia (BNM), including the Central Credit Bureau, Biro Maklumat Cek (BMC) and Central Credit Reference Information System (CCRIS) or such other bureau or body established or approved by BNM or any other authority having jurisdiction over the Bank for the purposes of complying with any legal obligations and/or for any administrative or regulatory purpose;

(d) To any approved outsourced agent of the Bank, including but not limited to the Bank's debt collection agents, telemarketers and direct sales and marketing agents or any strategic business partners or any third party reward, loyalty or privileges programme providers, for purposes, including but not limited to collecting or recovering any sums due and payable under the Card, marketing the products and services of the Bank or the Bank's strategic business partners or any third party reward, loyalty or privileges programme providers.

The Cardmember hereby further agrees, authorises and consents that as long as any monies due under the Card Account shall remain outstanding, the Bank shall be entitled to disclose information on his business (including cardmember accounts and/or future accounts) with the Bank to Public Islamic Bank Berhad, Public Investment Bank Berhad or companies which are or which in the future may be a subsidiary and/or related company of the Bank and that the subsidiaries and/or related companies of the Bank shall also be entitled to make such disclosure to the Bank and/or to the other said subsidiaries and/or the said related companies.

14.7 NOTICES

(i) The Cardmember shall inform the Bank in writing of any change of contact number and/or change of address and/or employment or business and his intention to be absent from Malaysia for more than 30 days.

(ii) Any statement of account, correspondence or notice to the Cardmember may be given by the Bank in any one of the following ways:

  (a) Delivered by hand or sent by prepaid post to the Cardmember's address stated in the Bank's Card Application Form or to such other address notified by the Cardmember to the Bank from time to time and shall be deemed to have been duly received by the Cardmember within 3 Business Days of posting;
  (b) By electronic mail to the Customer's last known e-mail address in the Bank's records and such notification shall be deemed received twenty four (24) hours after sending;
  (c) By display in the Bank's business premises and such notification shall be deemed effective upon such display;
  (d) By way of advertisement in one insertion in any national newspaper and such notification shall be deemed effective on the date of publication of the advertisement in any such newspaper;
  (e) By inserting a notice in the Cardmember's Statement of Account and such notification shall be deemed effective two 2 Business days after the date of posting of the notice contained in the Statement of Account to the Cardmember;

(f) By broadcasting a message on the Bank's website;
(g) If notified to the Cardmember in any other manner as the Bank deems fit.

Any failure on the part of the Cardmember to notify any change of his address resulting in delay or return of any monthly statement, correspondence and notice shall not prejudice the Bank’s rights and entitlement under the Agreement.

14.8 SERVICES OF NOTICE
The Cardmember hereby agrees that the service of any notice or any legal process in respect of any claim arising out of or connected with this Agreement may be effected by forwarding a copy of the same by post to the Cardmember’s last known address stated in the Bank’s Card Application Form or to such other address notified by the Cardmember to the Bank from time to time and shall be deemed to have served at the time of posting of the Notice and in providing delivery it shall be sufficient to prove that the same was properly addressed and put in the post despite any evidence to the contrary.

14.9 CERTIFICATE OF INDEBTEDNESS
A certificate signed by an officer of the Bank as to the monies for the time being due and owing to the Bank from the Cardmember shall be final and conclusive evidence or proof that the amount appearing be final and conclusive evidence or proof that the amount appearing therein is due and owing to the Bank from the Cardmember shall be final and conclusive evidence or proof that the amount appearing therein is due and owing and payable by the Cardmember to the Bank in any legal proceedings. Any admission or acknowledgement in writing by the Cardmember or any person authorised by the Cardmember of the amount of indebtedness of the Cardmember to the Bank and any judgment recovered by the Bank against the Cardmember in respect of such indebtedness shall be binding and conclusive in any court within or outside Malaysia. The Cardmember acknowledges and agrees that the Bank has the right to outsource the Bank’s debt collection functions to such outsource debt collection agency(ies) approved by BNM for the purposes of collecting for the Bank all such monies from time to time due and owing to the Bank from the Cardmember. In addition, the Bank has the right to sell to a third party all such impaired loans.

14.10 SEVERABILITY
The invalidity or unenforceability of any of the provisions herein shall not substantially nullify the underlying intent of this Agreement and the invalid or unenforceable provision shall be severable and the invalidity or unenforceability of any terms or provisions of this Agreement shall not affect the validity or enforceability of the remaining terms or provisions herein contained which shall remain in full force and effect.

14.11 OTHER TERMS AND CONDITIONS
The terms and conditions herein stated shall be in addition to and not in derogation of any specific agreement or arrangement with regard to each of the facility under the Card facilities now or hereafter from time to time subsisting between the Bank and the Cardmember or any terms and conditions that may be specified in any letter of offer given by the Bank to the Cardmember from time to time.

14.12 SUPERSEDING AGREEMENT
All previous agreements or arrangement, if any, made between the Bank and the Cardmember, written or verbal, are hereby cancelled and superseded by this Agreement.

It is hereby expressly agreed between the parties hereto that in the event of a conflict, discrepancy or variance in the terms and conditions in the English Language version and Bahasa Malaysia version of this Agreement, the terms and conditions of the English Language version shall prevail.

# *This is your Certificate of Insurance*

| Card Type | Principal Sum Insured |
|---|---|
| Mutual Gold Visa Platinum | RM500,000 |

This Insurance Programme is a service exclusive to Public Bank Visa/Mastercard Co-Branded Credit Card Cardmembers. You are entitled to it automatically and without charge. It is designed to make your travel, whether for business or pleasure, more carefree. Make sure you take advantage of it. This insurance will cover for all its Cardmembers, their legally married spouses and their dependent children under age 23 who charge their full common carrier fares to the Cardmember's Card Account.

Issued by :

**LONPAC INSURANCE BHD**

(307414-T)

(herein called the Company)

Head Office: 21st Floor, Bangunan Public Bank, 6, Jalan Sultan Sulaiman,
P.O. Box 10708, 50722 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-2262 8688 / 2723 7888 Fax: 03-2072 3385

## DESCRIPTION OF COVERAGE

This Policy operates upon the Insured Person charging the full carrier fares to his PB Visa/Mastercard Co-Branded Card.

**Travel Accident Insurance**

| | Principal Sum Insured | | |
|---|---|---|---|
| **Card Type** | **Cardmember** | **Spouse** | **Children** |
| Mutual Gold Visa Platinum | RM500,000 | RM300,000 | RM200,000 |

In the event of bodily injury resulting solely, directly and independently from an accident occurring during travel in a common carrier resulting in the Loss described in the table, the Company will indemnify the Insured based on the scale of compensation subject to the Policy terms and conditions.

| Specification of Loss | Percentage of Principal Sum |
|---|---|
| Accidental death | 100% |
| Permanent total disablement | 100% |
| Permanent and incurable paralysis of all limbs | 100% |
| Permanent total loss of sight of both eyes | 100% |
| Permanent total loss of sight of one eye | 100% |
| Loss of or the permanent total loss of use of two limbs | 100% |
| Loss of or the permanent total loss of use of one limb | 100% |
| Loss of speech and hearing | 100% |
| Permanent total loss of hearing in | |
| a) both ears | 75% |
| b) one ear | 25% |
| Loss of speech | 50% |
| Permanent total loss of the lens of one eye | 50% |
| Loss of or the permanent total loss of four fingers and thumb | 60% |

### TRAVEL INCONVENIENCE INSURANCE COVER

- *Delayed Flight/Missed Connection*
  If confirmed departure of the Insured's scheduled flight or incoming scheduled flight for an onward connecting scheduled flight is delayed for FOUR HOURS or more, cancelled or the Insured is denied boarding of the aircraft due to over-booking and no alternative transportation is made available to the Insured within four hours of the scheduled departure time of such flight, the Company will indemnify the Insured for reasonable costs incurred on:
  i) Meals, refreshments, hotel accommodation, travel expenses incurred to and fro between the airport and hotel, telephone calls.
  ii) Essential clothing and requisites if baggage has been checked in.

| | **Delayed Flight/Missed Connection** | |
|---|---|---|
| **Card Type** | **Cardmember** | **Spouse & Children** |
| Mutual Gold<br>Visa Platinum | up to RM400 | up to RM400 |

- *Luggage Delay*
  If the Insured's accompanied checked-in luggage with the common carrier is lost or not delivered to him/her within SIX HOURS of the Insured's arrival at the scheduled destination point of the flight, the Company will indemnify the Insured for reasonable costs incurred in respect of the emergency purchase of essential clothing and requisites.

| | **Luggage Delay** | |
|---|---|---|
| **Card Type** | **Cardmember** | **Spouse & Children** |
| Mutual Gold<br>Visa Platinum | up to RM400 | up to RM400 |

- *Luggage Loss*
  If the Insured's accompanied checked-in luggage is lost or not delivered to him/her within 24 HOURS of the Insured Person's arrival at the scheduled destination point of the flight, such luggage will be assumed to be permanently lost and the Company will indemnify the Insured for reasonable costs incurred in respect of the emergency purchase of essential clothing and requisites.

| | Luggage Loss | |
|---|---|---|
| **Card Type** | **Cardmember** | **Spouse & Children** |
| Mutual Gold<br>Visa Platinum | up to RM1,000 | up to RM500 |

- *Trip Cancellation*
  If the trip is cancelled due to death or serious injury of the Insured, Insured's immediate family members or travelling companion, or home being rendered uninhabitable following fire, storm or flood, the Company will indemnify the Insured.

| | Trip Cancellation | |
|---|---|---|
| **Card Type** | **Cardmember** | **Spouse & Children** |
| Mutual Gold<br>Visa Platinum | up to RM400 | up to RM800 |

- *Repatriation Expenses*
  In the event of a fatal accident which results in the Insured's loss of life due to a covered event, the Company will indemnify for costs incurred for the repatriation of the Insured's mortal remains.

| | Repatriation Expenses | |
|---|---|---|
| **Card Type** | **Cardmember** | **Spouse & Children** |
| Mutual Gold<br>Visa Platinum | up to RM2,500 | up to RM2,000 |

- *Travelling Expenses*
  In the event of a fatal accident which results in the Insured's loss of life due to a covered event, the Company will indemnify for costs incurred for the travelling expenses incurred for the Insured's immediate family members to escort the body back to the country of origin.

| | Travelling Expenses | |
|---|---|---|
| **Card Type** | **Cardmember** | **Spouse & Children** |
| Mutual Gold<br>Visa Platinum | up to RM2,500 | |

**EXCLUSIONS**
This Policy does not cover any loss caused or contributed to by:
1. War and nuclear related
2. Terrorism
3. Riot
4. Criminal acts
5. Suicide
6. Travel other than as a passenger

**CLAIMS**
1. All information and evidence required by the Company or its agentsshall be furnished at the expense of the Insured Person or his/her personal representative and shall be in such form and of such nature the Company may prescribe.
2. Written notice of all claims must be given no later than 21 days after theevent giving rise to the claim to LONPAC INSURANCE BERHAD, 21st Floor, Bangunan Public Bank, 6, Jalan Sultan Sulaiman, 50722 Kuala Lumpur. Tel: 03-2262 8688 / 2723 7888.
3. The following information/documents must be supplied to the Company:
    (a) Copies of the Charge Slips verifying that the relevant flight tickets were charged to the Public Bank Visa/Mastercard Co-Branded Card.
    (b) Copies of Charge Slips and purchase receipts relating to expenses incurred in respect of which indemnity is claimed.
    (c) In respect of lost or delayed luggage a copy of the Property Irregularity Report from the airline.
    (d) Full details of the Flight (flight number, departure airport, destination, scheduled time, arrival airport).
    (e) Full details of the Delay or Loss incurred.
    (f) Full details of expenses for which reimbursement is claimed.
    (g) Written confirmation from airlines or their agent of the delayed flight departure/flight cancellation/denied boarding. If delayed flight, the number of hours of delay and the date/time of available flight.

The marketing material is not a contract of insurance. The specific terms, conditions and exclusions applicable to this insurance are set out in the Policy. Cardmembers may view the Master Policy which is held by Public Bank Berhad and which will be the document used to determine any claims.

# PERSONAL ACCIDENT INSURANCE

# RM20,000

This insurance plan, exclusive to PB-Petron Visa Gold Credit Cardmembers at no charge, insures Principal and Supplementary Cardmembers against loss of life resulting from accidents occurring while driving any private automobile in Malaysia to an insured coverage of RM20,000.

Issued by :

**LONPAC INSURANCE BHD**
(307414-T)

(herein called the Company)

Head Office: 21st Floor, Bangunan Public Bank, 6, Jalan Sultan Sulaiman,
P.O. Box 10708, 50722 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-2262 8688 / 2723 7888 Fax: 03-2072 3385

**1. EXCLUSIONS**

No benefits are payable under this policy in respect of:-

1.1 The Insured Person being engaged in the following activities:-
(a) Racing of any kind
(b) Pacemaking, reliability trial and speed-testing
(c) Driving a private car for carriage of goods and passengers for hire or reward

1.2 Unlicensed drivers or holders of provisional licenses.

1.3 Accidental bodily injury resulting in death arising from or contributed to by:-
(a) Intentional self-injury, suicide, insanity or use of alcohol
(b) The taking of any drug unless taken in accordance with the directions and prescription from a registered medical practitioner
(c) Pregnancy or childbirth
(d) Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) or AIDS Related complex (ARC) howsoever this syndrome may be named
(e) Illegal acts of the Cardmember or his beneficiary, executors, administrators or legal heirs
(f) Any pre-existing physical defect or infirmity

1.4 Any consequence of war invasion, act of foreign enemy hostilities (whether war declared or not), civil rebellion, revolution or military or usurped power or participation by the Insured Person in riot, strike or civil commotion.

1.5 Accidental bodily injury directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from:-
(a) Ionising radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or any nuclear waste from the combustion or nuclear fuel. Solely for the purpose of this exclusion, combustion shall include any self-sustaining process or nuclear fission.
(b) Nuclear weapons materials.

**2. CLAIMS**

2.1 All information and evidence required by the Company shall be furnished at the expense of the Insured Person or his/her personal representative and shall be in such form and of such nature the company may prescribe.

2.2 Written notice of all claims must be given not later than 21 days after the event giving rise to the claim to LONPAC INSURANCE BERHAD , 21st Floor, Bangunan Public Bank, 6, Jalan Sultan Sulaiman, 50722 Kuala Lumpur. Tel.: 03-2262 8688 / 2723 7888.

2.3 The following information/documents must be supplied to the Company:-
(a) Claim form
(b) Police Report
(c) Death Certificate
(d) Post Mortem Report
(e) Deceased's Driving-Licence and NRIC (copies)
(f) Letter of Administration
(g) Any other documents which may be required

The marketing material is not a contract of insurance. The specific terms, conditions and exclusions applicable to this insurance are set out in the Policy. Cardmembers may view the Master Policy which is held by Public Bank Berhad and which will be the document used to determine any claims.

NOTE

## CUSTOMER SERVICE

**LOST CARD**

For lost or stolen cards, call 03-2176 8555 go to the nearest Visa International/Mastercard Worldwide member bank to file a report. Report any lost or stolen card immediately. Should there be a compromise on your secret PIN you must also report it immediately. For details, please refer to Clause 5 of the Cardmember Agreement.

**24-HOUR PHONE SERVICE**

For assistance with any Card-related problem in Malaysia, our customer service is available 24 hours daily by calling 03-2176 8000.

# PERJANJIAN AHLI KAD PENJENAMAAN BERSAMA VISA/MASTERCARD PUBLIC BANK

Terima kasih kerana memohon Kad Kredit Penjenamaan Bersama Visa/Mastercard PB. Adalah penting anda membaca dengan teliti Perjanjian Keahlian Kad yang dinyatakan di bawah sebelum menggunakan Kad Kredit Penjenamaan Bersama Visa/Mastercard PB. Dengan menggunakan Kad tersebut bererti anda menerima Terma dan Syarat yang dinyatakan di bawah dan terikat dengannya.

Bank boleh, dari semasa ke semasa dengan memberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada anda, mengubah, menambah atau meminda Terma dan Syarat yang disebut di dalam ini atau mengubah fi dan caj yang perlu dibayar di bawah Akaun Kad dan perubahan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh kuat kuasa yang ditetapkan oleh Bank kepada anda melalui Penyata Bulanan Akaun, atau melalui pemberitahuan di laman web Bank atau melalui cara lain seumpamanya yang Bank anggap wajar. Jika anda tidak bersetuju dengan perubahan, tambahan dan/atau pindaan tersebut, anda hendaklah menyerahkan Kad yang telah dipotong dua kepada Bank atau memaklumkan kepada Bank secara bertulis dan memusnahkan/mengeluarkan cip daripada Kad tersebut. Jika Bank tidak menerima Kad yang telah dipotong atau pemberitahuan bertulis tersebut, anda akan dianggap sebagai menerima perubahan, tambahan dan/atau pindaan berkenaan.

Penggunaan Kad tersebut secara berterusan akan dianggap sebagai penerimaan perubahan, tambahan dan/atau pindaan di atas.

Anda dinasihatkan supaya meneliti terma dan syarat yang mengawal penggunaan Kad dan Notis Kerahsiaan Bank di laman web Bank melalui http://www.pbebank.com

**MENGURUSKAN KAD ANDA DENGAN TELITI**

Peranan seorang Ahli Kad dalam pencegahan penipuan Kad Kredit. Di bawah adalah langkah-langkah untuk pencegahannya:

- Anggaplah kad anda seperti wang tunai pada setiap masa.
- Tandatangani kad baru anda dengan menggunakan dakwat kekal sebaik sahaja anda menerima kad tersebut dan potong kad yang telah tamat tempohnya atau memastikan cip daripada Kad tersebut telah dikeluarkan/dimusnahkan.
- Semasa hendak menetapkan nombor pengenalan peribadi (PIN) JANGAN GUNA tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor pasport, nombor lesen memandu atau nombor telefon anda.
- Jangan tulis nombor PIN anda pada kad tersebut untuk mengelakkan pengeluaran wang tunai tanpa kebenaran daripada mana-mana mesin teler automatik (ATM) dan untuk mengelakkan urus niaga tanpa kebenaran.
- Jangan benarkan sesiapapun menggunakan kad anda.
- Rahsiakan nombor kad dan PIN anda pada setiap masa.
- Sekiranya anda mengesyaki bahawa nombor PIN anda telah diterobos, cipta PIN baharu dengan serta-merta untuk mengelakkan apa-apa urus niaga yang tidak dibenarkan.
- Jangan letak kad yang telah tamat tempoh di merata-rata tempat.
- Pastikan kad tidak ditinggalkan tanpa pengawasan.
- Sentiasa awasi kad tersebut di mana-mana kad itu berada, sama ada di dalam poket, bag, laci atau dengan juruwang, terutamanya apabila kad tersebut hilang dari pandangan anda.
- Maklumkan kepada pihak bank anda sekiranya anda melancong ke luar negeri.
- Apabila membuat pembelian, pastikan bahawa urus niaga tersebut diproses di hadapan anda.

- Apabila juruwang memulangkan kad anda, pastikan ia adalah kad anda, dan ia tidak diubah dengan apa cara sekalipun.

- Jangan menandatangani slip bayaran yang tidak bertulis. Individu yang tidak bertanggungjawab mungkin mengambil kesempatan untuk menambah satu angka di ruang kosong.

- Jumlahkan caj slip bayaran untuk memastikan ia hanya mengandungi amaun barang/perkhidmatan yang dibeli menggunakan Kad anda dan amaun lain yang anda bersetuju untuk bayar kepada Saudagar yang mungkin termasuk tip, sebelum menandatangani slip berkenaan.

- Tekan nombor PIN hanya selepas anda mengesahkan bahawa amaun yang perlu dibayar itu adalah untuk barang/perkhidmatan yang dibeli/diperoleh menggunakan Kad anda, dan apa-apa amaun lain yang anda bersetuju untuk membayar kepada Saudagar yang mungkin termasuk tip.

- Musnahkan salinan karbon dan resit-resit yang dibatalkan dengan serta-merta.

- Simpan resit anda untuk menyemaknya dengan penyata anda.

- Penyata mengandungi maklumat sensitif oleh itu simpan penyata tersebut di tempat yang selamat.

- Maklumkan kepada pihak bank anda dengan serta-merta sekiranya terdapat urus niaga yang tidak biasa tercatat pada penyata anda.

- Koyakkan penyata-penyata lama (termasuk akaun yang telah ditutup) sebelum membuangnya.

- Jangan dedahkan maklumat kad kredit anda kepada individu-individu yang membuat jualan melalui telefon.

- Hanya berikan maklumat mengenai kad pengenalan dan kad kredit anda kepada pihak-pihak yang anda telah menelefon.

- Pihak bank mempunyai nombor akaun anda. Jangan berikan nombor akaun anda sekiranya anda menerima panggilan daripada pihak yang mengaku sebagai Public Bank dan pemanggil tersebut meminta nombor akaun anda.

- Sila maklumkan kepada pihak bank anda akan apa-apa pertukaran nombor telefon atau alamat supaya kad baru tidak dihantar ke alamat lama.

- Sekiranya kad anda dicuri atau hilang, maklumkan kepada pihak bank dengan serta-merta. Sentiasa simpan nombor telefon perkhidmatan pelanggan bank untuk kegunaan anda pada bila-bila masa.

  Untuk bantuan bagi masalah berkaitan dengan Kad di Malaysia, perkhidmatan pelanggan Bank boleh dihubungi 24 jam sehari dengan menelefon 03-2176 8000.

- Sila beri respon dengan serta-merta terhadap makluman pantas yang dihantar oleh Bank kepada anda melalui SMS atau melalui e-mel sekiranya urus niaga tersebut tidak dibenarkan oleh anda.

- Anda bertanggungjawab untuk mengambil semua langkah pencegahan bagi memastikan komputer peribadi (PC) dan alat pintar anda bebas daripada malware/virus pada setiap masa.

# PERJANJIAN AHLI KAD PENJENAMAAN BERSAMA VISA/MASTERCARD PUBLIC BANK

Sebagai balasan Public Bank Berhad (selepas ini disebut "Bank") bersetuju menyediakan kemudahan yang ditawarkan melalui Kad Penjenamaan Bersama Visa/Mastercard Public Bank kepada Ahli Kad, Ahli Kad dengan ini bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang berikut:-

**1. TAKRIF**

Dalam Perjanjian ini, perkataan dan ungkapan yang dirujuk di bawah ditakrifkan seperti berikut:-

1. "Bank" hendaklah bermaksud Public Bank Berhad (6463-H);
2. "Kad" hendaklah bermaksud mana-mana satu atau semua Kad Kredit Penjenamaan Bersama yang dikeluarkan oleh Bank kepada Ahli Kad, iaitu Kad Kredit Visa Emas PB-AIA, Kad Kredit Visa Emas PB-Petron dan/atau Kad Kredit Visa Platinum Mutual Gold-PB.
3. "Ahli Kad" bermaksud "Ahli Kad Utama" dan "Ahli Kad Tambahan";
4. "Ahli Kad Utama" hendaklah bermaksud orang yang telah memohon Kad dan permohonannya telah diluluskan oleh Bank dan hendaklah tidak termasuk Ahli Kad Tambahan.
5. "Kad Kredit Penjenamaan Bersama" hendaklah bermaksud Kad Kredit Visa Emas PB-AIA, Kad Kredit Visa Emas PB-Petron dan/atau Kad Kredit Visa Platinum Mutual Gold-PB.
6. "Ahli Kad Tambahan" hendaklah bermaksud orang yang dinamakan oleh Ahli Kad Utama untuk diberikan Kad Tambahan.
7. "Akaun Kad" hendaklah bermaksud akaun Ahli Kad yang dibuka dengan Bank bagi tujuan Perjanjian ini;
8. "Saudagar Dibenarkan" hendaklah bermaksud mana-mana peruncit atau orang, firma atau perbadanan lain yang selaras dengan perjanjian saudagar bersetuju menerima atau menyebabkan peruncit-peruncitnya menerima Kad apabila dikemukakan dengan sepatutnya.
9. "Resit Urus Niaga" hendaklah bermaksud slip bayaran, borang atau kertas yang berkaitan yang dibekalkan oleh Bank kepada Saudagar Dibenarkan bagi tujuan merekod, mengesahkan dan membuktikan pembelian atau perkhidmatan yang dibuat oleh Ahli Kad dengan menggunakan Kad untuk dicaj kepada Akaun Kad;
10. "Draf Pendahuluan Tunai" hendaklah bermaksud slip, borang atau kertas yang berkaitan yang dibekalkan oleh Bank bagi tujuan merekod, mengesahkan dan membuktikan Pendahuluan Tunai yang dibuat oleh Ahli Kad dengan menggunakan Kad untuk dicaj kepada Akaun Kad;
11. "ATM" hendaklah bermaksud Mesin Teler Automatik;
12. "Baki Semasa" hendaklah bermaksud baki terdahulu dan jumlah belian barangan dan/atau perkhidmatan, Pendahuluan Tunai yang dibuat oleh Ahli Kad yang telah diberi oleh Bank Resit Urus Niaga dan Draf Pendahuluan Tunai termasuk MegaAccess dan apa-apa yuran dan caj yang dicajkan oleh Bank tolak apa-apa bayaran yang dibuat oleh Ahli Kad dan dikreditkan kepada Akaun Kad dalam Tempoh Pembelian;
13. "Tarikh Genap Masa" hendaklah bermaksud 20 hari dari Tarikh Tutup Tempoh Pembelian yang muncul pada penyata bulanan;
14. "Kemudahan Kredit" hendaklah bermaksud had yang dikenakan oleh Bank terhadap Ahli Kad untuk penggunaan Kad;
15. "Tempoh Pembelian" hendaklah bermaksud tempoh semua belian barangan dan/atau perkhidmatan, Pendahuluan Tunai, yuran dan caj yang dibuat oleh Ahli Kad direkod oleh Bank dalam penyata bulanan;
16. "Hari Perniagaan" hendaklah bermaksud mana-mana hari Bank dibuka untuk perniagaan;
17. "Caj Kewangan" bermaksud Caj Kewangan yang dirujuk dalam Fasal 9.2 dokumen ini;
18. "Ansuran Bulanan" akan merangkumi jumlah semua ansuran bulanan berkontrak (termasuk ansuran bulanan bagi Pertukaran Baki Auto, Pelan Ansuran Faedah Sifar (ZIIP), Bayaran Fleksi, Pelan Pindahan Baki (BTP) dan pelan ansuran lain yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa).
19. "Tempoh Bebas Faedah" merujuk tempoh dari tarikh pencatatan urus niaga sehingga tarikh genap masa, sekurang-kurangnya 20 hari selepas Tarikh Penyata, serta-merta selepas Tarikh Penyata yang mencatatkan urus niaga;
20. "PIN" bermaksud Nombor Pengenalan Diri yang ditetapkan oleh Ahli Kad untuk mengaktifkan penggunaan Kad dan nombor tersebut kemudiannya membolehkan Ahli Kad untuk menjalankan urus niaga melalui ATM dan/atau untuk membuat apa-apa pembelian di mana-mana Saudagar yang Dibenarkan.

21. "Kumpulan PBB" hendaklah bermaksud semua syarikat dalam Kumpulan Syarikat Public Bank Berhad termasuklah tetapi tidak terhad kepada Public Islamic Bank Berhad, Public Investment Bank Berhad dan Public Mutual Berhad.
22. "AIA" hendaklah bermaksud AIA Bhd (790895-D).

## 2. PENERIMAAN KAD

2.1 Penggunaan Kad ini terhad kepada Ahli Kad yang kepadanya Kad itu dikeluarkan. Ahli Kad akan menandatangani Kad sebaik sahaja menerimanya dan akan kemudiannya mengaktifkan penggunaan Kad tersebut dengan menetapkan Nombor PIN. Tandatangan dan/atau penggunaan Kad hendaklah dianggap sebagai bukti yang mengikat dan konklusif bahawa Ahli Kad bersetuju dan terikat dengan Perjanjian ini.

2.2 Perjanjian ini hendaklah dianggap sebagai kontrak yang dibuat mengikut undang-undang Malaysia dan hendaklah untuk semua tujuan dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia. Ahli Kad dalam perjanjian dengan ini bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa kompeten lain demikian yang boleh dipilih oleh Bank atas budi bicara sendiri.

2.3 Ahli Kad mengaku janji tidak akan mendedahkan nombor PIN kepada mana-mana orang lain dan hendaklah bertanggungjawab kepada Bank bagi mana-mana entri debit dalam Akaun Kadnya dengan Bank yang berpunca daripada apa-apa urus niaga yang tidak dibenarkan.

2.4 Ahli Kad Utama menerima tanggungjawab untuk kredit yang diberikan kepadanya ataupun Ahli Kad Tambahan yang diberi kuasa olehnya untuk menggunakan Kad Tambahan yang dikeluarkan atas permintaannya, sama ada kredit demikian berbentuk wang tunai yang didahulukan dan/atau pembelian barangan dan/atau perkhidmatan.

2.5 Sekiranya Ahli Kad tidak mahu terikat dengan terma dan syarat ini, Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta mengembalikan Kad yang telah dipotong dua kepada Bank atau hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis dan memusnahkan/mengeluarkan cip daripada Kad tersebut. Ahli Kad dianggap sebagai menerima terma dan syarat ini dan terikat dengannya jika Bank tidak menerima Kad yang dipotong dua atau pemberitahuan mengenainya.

## 3. KEMUDAHAN KAD

3.1 Pada masa kesahannya dan tertakluk pada terma and syarat penggunaan yang dibentangkan di dalam hal ini seperti yang dipinda dan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa, Kad memberi hak kepada Ahli Kad menggunakan kemudahan Kad Kredit dengan Bank di dalam Kemudahan Kredit yang dikenakan oleh Bank dan tertakluk kepada kelulusan Bank yang dinyatakan.

3.2 Kemudahan Kad untuk Ahli Kad yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlaknya termasuk tetapi tidak terhad pada perkara-perkara berikut:
(i) Pembelian barangan dan/atau perkhidmatan secara kredit dari mana-mana Saudagar Dibenarkan; dan
(ii) Pendahuluan Tunai seperti yang dibentangkan di bawah Fasal 3.3 dokumen ini;

3.3 Ahli Kad hendaklah mendapatkan Pendahuluan Tunai dalam amaun demikian seperti yang boleh diterima oleh Bank dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlaknya, dengan cara-cara berikut:
(i) Mengemukakan Kad di mana-mana cawangan Bank atau mana-mana institusi ahli Visa International/Mastercard Worldwide bersama-sama dengan bukti pengenalan diri dan menandatangani rekod urus niaga yang perlu; atau
(ii) Menggunakan Kad di mana-mana ATM Bank atau mana-mana bank atau institusi lain yang telah diatur oleh Bank untuk penggunaan ATM bank atau institusi yang tersebut. Dalam hal ini, amaun pendahuluan demikian hendaklah tertakluk kepada had pengambilan keluar harian ATM yang berkenaaan dan hendaklah tertakluk pada pengesahan oleh Bank atau mana-mana bank atau institusi lain yang disebut di atas. Amaun yang ditentusahkan oleh Bank atau mana-mana bank atau institusi lain hendaklah dianggap sebagai amaun yang betul bagi pengambilan keluar yang dilaksanakan; atau
(iii) Menggunakan atau mengemukakan Kad untuk memohon Draf Permintaan dan/atau Cek Jurubank untuk memudahkan pembelian Syer Tawaran Awam Awal (IPOS - Initial Public Offer Shares).

Amaun bagi setiap pendahuluan hendaklah dihadkan pada Baki Akaun Kad Tersedia.

Pendahuluan Tunai yang dibenarkan daripada saluran kredit seperti yang berikut:

| Bilangan Tahun Sebagai Ahli Kad Emas | % Pendahuluan Tunai yang Dibenarkan daripada Saluran Kredit |
|---|---|
| Hari pertama hingga akhir bulan ke-6 | 0% |
| Bulan ke-7 hingga tahun ke-3 | 50% |
| Tahun ke-4 seterusnya | 100% |

*Tertakluk pada baki kredit yang ada atau mana yang lebih rendah.*

3.4 Kad Kredit Visa Emas PB-AIA dan/atau Kad Kredit Visa Emas PB-Petron tidak membenarkan/menyediakan pengeluaran pendahuluan tunai dalam tempoh 6 bulan pertama (180 hari) selepas menjadi ahli kad.

**4. PENGGUNAAN KAD**

4.1 Kad tersebut, yang mungkin juga termasuk kad fizikal, digital atau maya, akan membolehkan Ahli Kad untuk menjalankan urus niaga yang berikut:-

(i) Urus niaga berasaskan tandatangan di Saudagar yang Dibenarkan;
Ini hendaklah menjadi bukti muktamad bahawa Urus Niaga Kad dan amaun yang direkod padanya telah dibuat dengan sepatutnya apabila Bank menerima Resit Urus Niaga atau apa-apa dokumen bertulis yang mengandungi tandatangan Ahli Kad.

(ii) Urus niaga berdasarkan PIN melalui Saudagar yang Dibenarkan;

(iii) Urus niaga dalam talian melalui mana-mana komputer atau alat mudah alih atau permohonan dalam talian yang sesuai atau yang tidak memerlukan kata laluan Ahli Kad;

(a) Sekiranya Kad digunakan untuk membeli barang dan/atau memperoleh perkhidmatan melalui laman internet dalam talian atau portal (termasuk melalui komputer atau alat mudah alih), Ahli Kad bertanggungjawab sepenuhnya bagi penggunaan itu pada setiap masa. Ahli Kad bersetuju bahawa maklumat mengenai Kad melalui internet adalah bukti yang mencukupi bahawa arahan telah diberi bagi penggunaan Kad.

(b) Bank tidak bertanggungjawab untuk mengesahkan identiti atau orang yang diberi kuasa untuk mendapatkan maklumat Ahli Kad. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan kerana bertindak atas kegunaan kad itu sama ada orang tersebut dibenarkan untuk masuk ke dalam maklumat Kad dibenarkan untuk berbuat demikian, dan tanpa mengira keadaan ketika urus niaga dijalankan.

(c) Bank boleh, sekiranya ia mengangapnya wajar, memilih untuk tidak menjalankan apa-apa urus niaga di internet sekiranya Bank mempunyai sebab untuk meragui kesahihannya atau jika Bank berpendapat adalah tidak sah atau tidak sesuai untuk berbuat demikian atau atas apa juga sebab sekali pun.

(iv) Urus niaga tanpa sentuh dengan melalukan kad di berhampiran pembaca tanpa sentuh, terminal atau alat POS atau membawa Kad dekat dengan alat berkenaan.
Melainkan dimaklumkan sebaliknya, urus niaga tanpa sentuh itu mungkin tidak memerlukan:

(a) Tandatangan Ahli Kad di mana-mana slip jualan, terminal atau alat POS;

(b) Microcip yang tertanam di dalam Kad, jika ada, untuk dibaca oleh alat berkenaan;

(c) PIN untuk membenarkan urus niaga berkenaan.

4.2 Dengan tidak menyentuh perkara di atas, Ahli Kad dengan ini memberi kuasa tidak boleh mansuh kepada Bank untuk memperlakukan rekod Bank bagi mana-mana urus niaga yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada urus niaga yang dilaksanakan melalui Terminal Tempat Jualan, pesanan mel, pesanan telefon, internet dan terminal layan diri sebagai bukti pembelian (-pembelian) demikian telah dibuat sepatutnya oleh Ahli Kad untuk didebitkan kepada Akaun Kad walaupun urus niaga berkenaan mungkin tidak dibenarkan oleh Ahli Kad dan lagi walaupun rekod demikian seperti yang disebut lebih awal mungkin tidak mengandungi tandatangan Ahli Kad.

4.3 Untuk melaksanakan Pendahuluan Tunai menggunakan Kad di Bank atau institusi ahli Visa International/Mastercard Worldwide, Ahli Kad hendaklah menandatangani Draf Pendahuluan Tunai yang disediakan oleh Bank atau institusi ahli Visa International/Mastercard Worldwide, mengikut keadaan, atau hendaklah memasukkan No. PINnya. Draf Pendahuluan Tunai harus dianggap oleh Bank semasa penerimaannya sebagai telah dibuat dengan sepatutnya dan Urus Niaga Kad yang dibenarkan semasa sewajarnya oleh Ahli Kad.

4.4 Untuk melaksanakan Pendahuluan Tunai melalui ATM, Ahli Kad hendaklah menggunakan PIN untuk mengakses Akaun Kadnya. Sebarang dokumentasi yang direkodkan yang timbul daripada pengaktifan PIN untuk tujuan mendapatkan Pendahuluan Tunai daripada ATM hendaklah dianggap oleh Bank sebagai Urus Niaga Kad yang telah dibuat dengan sepatutnya.

4.5 Sebagai balasan kepada Ahli Kad kerana mematuhi dan menyetujui terma Perjanjian ini, Bank hendaklah membeli daripada Saudagar Dibenarkan dan/atau institusi ahli Visa International/Mastercard Worldwide semua Resit Urus Niaga dan Draf Pendahuluan Tunai yang dibuat oleh Ahli Kad dan mendebit Akaun Kad Ahli Kad dengan sewajarnya.

4.6 Dengan tidak menyentuh peruntukan yang dibentangkan dalam Fasal 4.3 di atas, tandatangan hendaklah tidak menjadi syarat duluan kepada liabiliti Ahli Kad berkaitan dengan Pendahuluan Tunai atau barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan, jika Bank berpendapat berdasarkan keterangan berdokumen yang memuaskan, bahawa peninggalan itu adalah disebabkan oleh jenis urus niaga atau disebabkan oleh kealpaan di pihak Ahli Kad dan/atau Saudagar dan/atau bank ahli Visa International/Mastercard.

4.7 Ahli Kad hendaklah mematuhi semua syarat, petunjuk, arahan dan garis panduan tentang penggunaan Kad yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa berkaitan dengan semua Kemudahan Kredit dan perkhidmatan yang diberikan kepada Ahli Kad.

4.8 Selaras dengan Fasal 3.3 (iii) di atas, semua permohonan untuk Draf Jurubank dan/atau Draf Permintaan yang diluluskan seperti yang disebut dahulu hendaklah dikeluarkan oleh Bank atas nama gedung terbitan syer yang berkaitan. Kelulusan yang tersebut hendaklah tertakluk kepada budi bicara Bank dan memastikan ia tidak melampaui Kemudahan Kredit yang diperuntukkan oleh Bank.

4.9 Apabila Draf Jurubank dan/atau Draf Permintaan yang tersebut diluluskan, Caj Kewangan sebanyak 1.5% setiap bulan hendaklah dikenakan dari tarikh akaun Ahli Kad didebit sehingga tarikh penyelesaian penuh.

4.10 Ahli Kad hendaklah tidak dicaj yuran pendahuluan tunai seperti mengikut Fasal 10.1 di dalam ini, sekiranya Kad digunakan atau dikemukakan di bawah Fasal 3.3 (iii) di atas.

4.11 Ahli Kad memberi kuasa tidak boleh mansuh kepada Bank untukmengkredit ke Akaun Kad dengan jumlah amaun Draf Jurubankdan/atau Draf Permintaan sekiranya permohonan Ahli Kad untuk IPOS yang disebut dahulu tidak berjaya.

4.12 Sekiranya permohonan Ahli Kad untuk IPOS yang disebut dahulu berjaya Ahli Kad mengaku janji tak boleh mansuh untuk diikat dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini sehingga penyelesaian sepenuhnya.

4.13 Tanpa prejudis terhadap apa-apa peruntukan di dalam perjanjian ini, dengan ini adalah dipersetujui tanpa boleh batal oleh Ahli Kad bahawa Ahli Kad hendaklah tidak menggunakan Kad untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada perjudian internet. Bank berhak mengikut budi bicara sendiri dan mutlak untuk menolak penggunaan Kad bagi melaksanakan apa-apa urus niaga yang Bank anggap menyalahi undang-undang dan/atau dengan serta-merta menamatkan penggunaan Kad oleh Ahli Kad.

**5. PEMILIKAN KAD**

5.1 Kad ini hendaklah menjadi hak milik Bank pada setiap masa. Kad hanya boleh digunakan secara eksklusif oleh Ahli Kad sahaja. Ahli Kad tidak boleh memindah atau dengan cara lain melepaskan kawalan atau pemilikan Kad bagi sebarang kegunaan atau tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank. Kad ini juga tidak boleh dicagar oleh Ahli Kad sebagai sekuriti untuk apa-apa tujuan.

5.2 Ahli Kad hendaklah menggunakan semua langkah berjaga-jaga untuk menghalang kehilangan atau kecurian Kad. Sekiranya Kad hilang dan/atau dicuri dan/atau berlaku pendedahan nombor PIN kepada pihak yang tidak dibenarkan, Ahli Kad hendaklah dengan sertamerta, sebaik sahaja menyedari kejadian itu, memberitahu Bank (sekiranya kejadian itu berlaku di Malaysia) atau mana-mana ahli Visa International/Mastercard Worldwide (sekiranya kejadian itu berlaku di luar negara) melalui telefon, telegram, teleks, faksimili atau e-mel dan mengesahkan perkara yang sama secara bertulis kepada Bank disertai dengan laporan polis tetapi apapun yang berlaku tidak lewat daripada tujuh (7) hari dari kejadian.

5.3 Dengan ini Ahli Kad secara tak boleh mansuh dan tanpa syarat mengizinkan Bank (tetapi hendaklah tidak diwajibkan) untuk merekod arahan telefon seperti yang disebut sebelum ini secara bertulis dan/atau melalui pita dan/atau apa-apa cara lain dan rekod arahan demikian adalah muktamad dan mengikat Ahli Kad.

5.4 Dengan ini Ahli Kad dengan nyatanya mengizinkan supaya arahan telefon dirakamkan dengan cara demikian dan dengan ini mengakui bahawa apa-apa dan/atau semua rekod yang disimpan oleh Bank hendaklah muktamad dan mengikat bagi semua tujuan. Ahli Kad seterusnya bersetuju bahawa Bank hendaklah tidak bertanggungjawab untuk mengesahkan identiti atau autoriti sesiapa pun yang memberi arahan telefon secara pura-pura atas nama Ahli Kad dan Bank hendaklah berhak bertindak atas arahan-arahan telefon yang diberikan oleh orang demikian tanpa mengira tentang keadaan yang wujud pada masa arahan demikian dibuat. Ahli Kad menerima bahawa sebagai balasan Bank bertindak mengikut arahan telefon di atas demikian atau Ahli Kad mengizinkan Bank membuat rakaman pita kesemua atau mana-mana panggilan telefon Ahli Kad dengan Bank, selaras dengan fasal di atas, untuk membolehkan Bank untuk menyimpan rakaman pita kesemua atau mana-mana arahan yang diberi oleh Ahli Kad atau secara pura-pura atas nama Ahli Kad kepada Bank, Ahli Kad dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi kepada Bank dan terus menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, tuntutan, prosiding, permintaan, pampasan, kos dan perbelanjaan yang terlibat atau ditanggung oleh Bank yang timbul dengan apa cara pun atau berkaitan dengan semua arahan demikian seperti yang disebut sebelum ini.

5.5 Sekiranya kad hilang/dicuri seperti dalam Fasal 5.2 di atas dan jika berikutan dengan kehilangan/kecurian, penggunaan kad oleh orang yang tidak dibenarkan, ahli Kad hendaklah dipertanggungjawabkan kepada dan menanggung rugi Bank bagi semua caj tanpa kebenaran yang dibuat termasuk Caj Kewangan, caj bayaran lewat yang terlibat bagi apa-apa barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh saudagar, dan/atau Pendahuluan Tunai yang tidak dijalankan melalui ATM yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad oleh orang yang tidak dibenarkan tersebut sehingga tarikh penerimaan pemberitahuan secara bertulis atau lisan daripada ahli Kad oleh Bank seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 5.2 di atas. Ahli Kad akan dipertanggungjawabkan bagi semua caj tanpa kebenaran, sekiranya ahli Kad melakukan penipuan, melewat-lewatkan untuk memaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh masa yang semunasabah yang mungkin selepas mengetahui mengenai kehilangan/kecurian atau penggunaan kad tanpa kebenaran itu, mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela, menulis PIN pada kad atau pada apa-apa sahaja yang amat dekat dengan kad dan yang boleh hilang bersama-sama dengan kad atau meninggalkan kad, atau barang yang didalamnya mengandungi kad tersebut, tidak mengawasi dan/atau sengaja membenarkan orang lain menggunakan kad tersebut. Jika siasatan mendapati bahawa ahli Kad terbabit dalam menyebabkan pengenaan caj tanpa kebenaran, ahli Kad akan dipertanggungjawabkan bagi semua caj tanpa kebenaran tersebut, termasuk caj kewangan dan caj bayaran lewat, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan tersebut secara bertulis. Dengan ini adalah dipersetujui bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Had Kredit tidak melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Bank.

5.6 Semua tuntutan untuk kehilangan atau kecurian Kad atau urus niaga yang dipertikaikan yang dilakukan ke Kad berkenaan akan disiasat oleh Bank selepas menerima semua maklumat yang relevan dan mengikut Garis Panduan BNM dan prosedur siasatan dalaman Bank. Sekiranya Bank mendapati bahawa terdapat sebarang percubaan untuk tuntutan palsu ke atas urus niaga yang dipertikaikan, Bank berhak untuk membuat laporan polis atas tuntutan palsu yang dibuat dan/atau menamatkan penggunaan Kad oleh Ahli Kad, mana yang berkenaan, dan menjatuhkan liabiliti ke atas Ahli Kad untuk jumlah urus niaga yang dipertikaikan dan semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank.

5.7 Atas permintaan Ahli Kad, Bank boleh tetapi tidak dimestikan mengikut undang-undang, menggantikan Kad yang hilang atau kecurian apabila bayaran Penalti Penggantian Kad yang berikut dibuat:

(i) RM 50 untuk kali pertama kehilangan atau kecurian Kad yang dilaporkan.

(ii) RM 100 untuk kali kedua kehilangan atau kecurian Kad yang dilaporkan.

(iii) RM 150 untuk kali ketiga kehilangan atau kecurian Kad yang dilaporkan.

Kad hendaklah tidak diganti lagi sekiranya Kad dilaporkan hilang atau kecurian untuk kali keempat. Kad gantian hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat ini seolah-olah ia adalah Kad yang asal.

5.8 Sekiranya Kad yang hilang atau Kad yang dicuri ditemui, Ahli Kad hendaklah tidak menggunakan Kad ini dan hendaklah memulangkan, dipotong dua kepada Bank atau mengeluarkan/memusnahkan cip di dalam Kad dengan serta-merta sebaik sahaja Kad ditemui. Bank hendaklah tidak berkewajipan untuk mengeluarkan kad gantian kepada Ahli Kad ekoran kehilangan atau kecuriannya. Apa-apa Kad gantian hendaklah tertakluk kepada Penalti Penggantian Kad yang ditetapkan dalam Fasal 5.7 di atas.

5.9 Ahli Kad hendaklah memulangkan Kad kepada Bank dipotong dua atau mengeluarkan/memusnahkan cip di dalam Kad dengan serta-merta selepas tamat tempohnya, atau apabila ia dibatalkan oleh ahli Kad atau atas permintaan Bank apabila ia dibatalkan, dimansuhkan atau digantung oleh Bank atau apabila Kad ditemui selepas pemberitahuan kehilangannya dan Ahli Kad hendaklah selepas itu tidak mempunyai hak lagi untuk menggunakan Kad.

5.10 Yang mana Kad dibatalkan dan Akaun Kad Kredit ditutup oleh Ahli Kad, Bank hendaklah membayar balik baki kredit dalam Akaun Kad, jika ada, selepas potongan apa-apa bayaran kena dibayar dan terhutang oleh Ahli Kad ke atas Akaun Kad.

## 6. KAD TAMBAHAN

6.1 Atas permintaan Ahli Kad Utama, Bank boleh dengan budi bicara sendiri yang mutlak, mengeluarkan Kad Tambahan kepada Ahli Kad Tambahan. Semua terma dan syarat yang berkenaan di dalam perjanjian ini kepada Ahli Kad hendaklah diguna pakai mutatis mutandis (iaitu dengan perubahan-perubahan yang perlu) kepada Ahli Kad Tambahan dan untuk tujuan demikian ungkapan “Ahli Kad” dan “Kad” hendaklah dibaca dan ditafsir seolah-olah ungkapan “Ahli Kad Tambahan” dan “Kad Tambahan” digantikan padanya melainkan dinyatakan sebaliknya.

6.2 Ahli Kad Utama hendaklah dipertanggungjawabkan untuk semua caj yang dibuat oleh Ahli Kad Utama dan/atau Ahli Kad Tambahan di bawah Akaun Kadnya. Selanjutnya, Ahli Kad Utama hendaklah dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa Ahli Kad Tambahannya hendaklah mematuhi semua terma, syarat dan obligasi yang dibentangkan di dalam perjanjian ini. Walau bagaimanapun, Ahli Kad Tambahan akan hanya bertanggungjawab terhadap liabiliti dan obligasinya sendiri.

6.3 Kad Tambahan yang dikeluarkan boleh dibatalkan atas permintaan Ahli Kad Utama secara bertulis diiringi dengan Kad Tambahan yang dipotong dua dan dikembalikan kepada Bank atau mengeluarkan/memusnahkan cip di dalam Kad Tambahan dengan syarat pembatalan demikian tidak menjejaskan hak dan kelayakan, kewajipan dan obligasi yang terakru sebelum pembatalan demikian. Apabila penggunaan Kad Tambahan ditamatkan dalam apa-apa keadaan atau atas permintaan Ahli Kad Utama, penggunaan semua Kad Tambahan juga hendaklah ditamatkan. Penamatan penggunaan Kad Tambahan tidak akan menamatkan penggunaan Kad oleh Ahli Kad Utama.

## 7. AKAUN KAD

7.1 Semua bayaran bagi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan pendahuluan tunai yang dibuat menggunakan Kad dan semua yuran tahunan, caj pengendalian, caj tambahan, Caj Kewangan, Penalti Penggantian Kad, cukai yang akan dikenakan dan/atau caj bayaran lewat hendaklah didebit kepada Akaun Kad dalam mata wang pembilan, tempatan atau luar negara, dan hendaklah dinyatakan dalam Penyata.

7.2 Bank hendaklah mengemukakan kepada Ahli Kad penyata bulanan yang menunjukkan amaun pembelian barangan dan perkhidmatannya, Pendahuluan Tunai dan yuran dan caj yang dibuat oleh Ahli Kad termasuk apa-apa bayaran atau kredit yang dibuat dan direkod oleh Bank pada penyata bulanan.

7.3 Rekod dan masukan dalam Akaun Kad Ahli Kad seperti yang tercatat pada penyata bulanan hendaklah dianggap betul dan mengikat terhadap Ahli Kad kecuali notis bertulis tentang hal yang bertentangan diberi kepada Bank oleh Ahli Kad dalam masa 14 hari dari Tarikh Tutup Tempoh Pembilan seperti yang dinyatakan dalam penyata bulanan.

7.4 Apabila menerima notis bertulis demikian yang diberikan pada masanya oleh Ahli Kad dalam tempoh yang ditetapkan, Bank hendaklah meneliti Akaun Kad Ahli Kad untuk membuat pelarasan dan pembetulan yang perlu, jika ada. Pemakaian Fasal ini hendaklah dalam apa cara pun tidak menjejaskan obligasi Ahli Kad di bawah Fasal 9 dengan syarat apa-apa wang yang belum dibayar kepada atau daripada Ahli Kad hendaklah dikreditkan atau didebitkan ke dalam Akaun Kad Ahli Kad.

## 8. KEMUDAHAN KREDIT

8.1 Bank hendaklah atas budi bicaranya sendiri menentukan Kemudahan Kredit Ahli Kad dengan Bank. Bank akan memaklumkan Ahli Kad jika terdapat sebarang pengurangan daripada Kemudahan Kredit.

8.2 Sekiranya Ahli Kad menggunakan dua atau lebih Kad dengan Bank, Ahli Kad hendaklah memilih untuk Kemudahan Kredit gabungan atau berasingan. Ini hendaklah mewakili Jumlah Kemudahan Kredit yang diberikan untuk menampung penggunaan semua Kad yang dipegang oleh Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahannya, jika ada.

8.3 Dengan ini Ahli Kad berwaad bahawa dia hendaklah tidak melampaui Kemudahan Kreditnya tanpa kelulusan bertulis daripada Bank dan hendaklah mengganti apa-apa lebihnnya atau membayar balik kepada Bank dengan serta-merta apabila menerima penyata bulanan dan/atau notis lain demikian oleh Bank yang menunjukkan lebihan demikian selaras dengan Fasal 9.1. Sekiranya berlaku kegagalan oleh Ahli Kad untuk membayar Bank apabila dituntut lebihan demikian seperti yang disebut dahulu, seluruh baki belum jelas pada Akaun Kad hendaklah serta-merta menjadi genap masanya dan wajar dibayar dan peruntukan Fasal 11.1 hendaklah diguna pakai.

## 9. LIABILITI UNTUK PEMBAYARAN

9.1 Apabila penyata bulanan Akaun Kad diterima, Ahli Kad akan membayar keseluruhan amaun Baki Semasa pada atau sebelum Tarikh Genap Masa. Ahli Kad juga boleh memilih untuk membuat Pembayaran Minimum seperti yang berikut:

(a) (i) 5% daripada jumlah Baki Semasa;
(ii) keseluruhan amaun Ansuran Bulanan; dan
(iii) keseluruhan lebihan amaun apabila Baki Semasa melebihi Had Kredit (jika ada);
ATAU
(b) RM50; mana-mana yang lebih tinggi.

9.2 Caj Pembiayaan dikira atas baki harian berdasarkan Struktur Kadar Faedah Bertingkat dalam Perkara 9.2(i)(1) di bawah dan dikenakan atas semua Baki Pendahuluan Bukan Tunai Belum Jelas dan/atau Baki Pendahuluan Tunai Belum Jelas, termasuk Caj Pembiayaan serta fi dan caj lain (kecuali Caj Pembayaran Lewat) sehingga pembayaran penuh dibuat.

(i) CAJ PEMBIAYAAN
(1) Struktur Kadar Faedah Bertingkat
(a) 15% setahun daripada jumlah baki tertunggak - bagi Ahli Kad yang menyelesaikan pembayaran balik minimum yang cepat bagi 12 bulan dalam tempoh 12 bulan berturut-turut; atau

(b) 17% setahun daripada jumlah baki tertunggak - bagi Ahli Kad yang menyelesaikan pembayaran balik minimum yang cepat bagi 10 bulan dan lebih dalam tempoh 12 bulan berturut-turut; atau

(c) 18% setahun daripada jumlah baki tertunggak - bagi Ahli Kad yang tidak memenuhi kriteria di atas.

*Nota: Caj Kewangan bertingkat hanya terpakai bagi baki tertunggak daripada Urus Niaga Pendahuluan Bukan Tunai*. Baki-baki terakru daripada Pendahuluan Tunai akan dikenakan Caj Kewangan sebanyak 18% setahun.*

(2) Caj Pembiayaan dikenakan terhadap Pendahuluan Tunai Belum Jelas dari Tarikh Urus Niaga sehingga pembayaran balik sepenuhnya.

(3) Caj Pembiayaan dikenakan atas Baki Pendahuluan Bukan Tunai* Belum Jelas yang:

(a) tidak bayar menjelang Tarikh Genap Masa sebaik sahaja selepas Tarikh Penyata urus niaga dicatatkan, yang dikira dari Tarikh Genap Masa tersebut sehingga pembayaran balik sepenuhnya; ATAU

(b) dibawa ke hadapan daripada penyata sebelumnya, dikira dari Tarikh Urus niaga sehingga pembayaran balik sepenuhnya.

(4) Tiada Caj Pembiayaan dikenakan terhadap Urus Niaga Pendahuluan Bukan Tunai* yang baru sebelum Tarikh Penyata dengan syarat pembayaran penuh bagi baki penyata terbaharu telah dibuat.

(5) Tiada Caj Pembiayaan dikenakan sekiranya Baki Urus Niaga Pendahuluan Bukan Tunai* daripada penyata bulan sebelumnya diselesaikan sepenuhnya menjelang Tarikh Genap Masa.

**Pendahuluan Bukan Tunai: termasuk pembelian runcit, Ansuran Bulanan, Caj Pembiayaan serta Fi dan Caj lain (kecuali Caj Pembayaran Lewat) sehingga pembayaran penuh dibuat).*

(6) Selepas menentukan Baki dan Tempoh berkaitan yang boleh dikenakan caj/faedah pembiayaan, formula yang berikut bagi pengiraan caj/faedah pembiayaan adalah digunakan:

f = (B) x (P/D) x (R)

F = Jumlah[f]

Dengan:

| | |
|---|---|
| F | ialah jumlah caj pembiayaan yang dikenakan bagibulan berkenaan. |
| Jumlah [f] | ialah jumlah semua caj pembiayaan yang dikira berdasarkan Baki berbeza yang mungkin dikenakan berserta caj pembiayaan bagi Tempoh yang menghasilkan faedah sepanjang bulan berkenaan. |
| f | ialah caj pembiayaan bagi Baki B tertentu yang dikira bagi tempoh P hari. |
| B | ialah Baki yang dikenakan berserta caj pembiayaan. |
| P | ialah Tempoh yang menghasilkan faedah dalam hari, dengan Baki (B) dikenakan caj pembiayaan. |
| D | ialah jumlah hari yang digunakan sebagai asas bagi kadar tahunan. |
| R | ialah kadar tahunan caj pembiayaan nominal yang dinyatakan. |

(ii) TEMPOH TANPA FAEDAH BAGI URUS NIAGA RUNCIT

(1) Tempoh tanpa faedah selama 20 hari bagi semua urus niaga runcit, dengan syarat semua baki tertunggak daripada bulan sebelumnya seperti di dalam penyata bulanan dibayar sepenuhnya dalam Tempoh Genap Masa.

(2) Sekiranya Tempoh Tanpa Faedah tidak terpakai, Caj Kewangan seperti kadar bertingkat yang terpakai sebulan akan dikenakan atas semua urus niaga runcit dari tarikh urus niaga runcit dicatat.

(3) Tempoh tanpa faedah merujuk kepada tempoh dari tarikh urus niaga dicatatkan hingga Tarikh Genap Masa, yang sekurangkurangnya 20 hari selepas Tarikh Penyata, serta-merta mengikut Tarikh Penyata yang mana urus niaga dicatatkan.

*Nota: Urus niaga Runcit tidak termasuk Pendahuluan Tunai, Pindahan Baki dan pelan kredit lain.*

9.3 Jika Ahli Kad gagal membuat Pembayaran Minimum menjelang Tarikh Genap Masa, caj lanjut sebanyak 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata atau minimum sebanyak RM10, mana yang lebih tinggi (dihadkan pada maksimum sebanyak RM100) hendaklah didebitkan kepada Akaun Kad.

9.4 Penerimaan Bank bagi bayaran lewat atau bayaran sebahagian atau bayaran melalui cek atau kiriman wang yang ditanda sebagai membentuk bayaran penuh atau apa-apa penepian oleh Bank terhadap penurutan haknya yang diberikan kepada Ahli Kad hendaklah tidak bertindak menghalang Bank daripada menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah Perjanjian ini untuk memungut bayaran belum jelas di bawah ini ataupun penerimaan demikian hendaklah tidak bertindak sebagai keizinan untuk meminda Perjanjian ini dalam apa pun hal.

9.5 Semua bayaran oleh Ahli Kad kepada Bank hendaklah tidak dikenakan apa-apa potongan sama ada untuk tuntutan balas dan/atau tolak selesai kepada Saudagar Dibenar, institusi ahli Visa International/Mastercard Worldwide dan/atau apa juapun Bank.

9.6 Ahli Kad mengaku janji bahawa dia hendaklah membuat pengaturan yang memuaskan untuk pembayaran Akaun Kadnya selaras dengan terma dan syarat ini sekiranya dia berada di luar negara.

9.7 Bayaran oleh Ahli Kad kepada Bank hendaklah tidak dianggap telah dibuat sehingga dana yang berkaitan telah diterima dalam nilai sebenarnya oleh Bank. Semua bayaran dengan cek mestilah dimasukkan komisen pertukaran dalam negeri yang berkaitan jika berkenaan. Kegagalan memasukkan komisen pertukaran dalam negeri hendaklah membolehkan Bank untuk mendebit Akaun Kad Ahli Kad atau melaksanakan haknya untuk mengimbangi sama sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya.

9.8 Apa-apa bayaran yang diterima daripada Ahli Kad boleh diguna pakai dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya.

**10. FI DAN CAJ**

10.1 Ahli Kad bersetuju untuk membayar dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaun Kadnya untuk yang berikut:

(i) Fi Pendahuluan Tunai

(1) Fi sebanyak 5% tertakluk pada minimum RM20.00 bagi semua Pendahuluan Tunai yang dibuat melalui Cawangan/ATM Bank.

(2) Fi sebanyak 5% tertakluk pada minimum RM20.00 bagi semua Pendahuluan Tunai yang dibuat melalui outlet lain dan untuk semua urus niaga Kasino.

Caj Kewangan 1.5% sebulan pada asas harian dari tarikh pengambilan keluar atau urus niaga sehingga bayaran penuh diterima dan dikredit ke dalam Akaun Kad Ahli Kad oleh Bank.

(ii) Fi Tahunan seperti yang ditetapkan oleh Bank bagi Kad Utama dan setiap Kad Tambahan sewaktu dikeluarkan atau diperbaharui. Fi Tahunan tidak akan dibayar balik.

(iii) Caj Kewangan mengikut Fasal 9.2 di atas.

(iv) Caj bayaran lewat mengikut Fasal 9.3 di atas.

(v) Caj perkhidmatan pada kadar demikian yang ditentukan oleh Bank atas budi bicaranya sendiri bagi perkhidmatan yang diberikannya dan kos dan belanja yang terlibat berkaitan dengan/atau timbul daripada:

(a) Pengeluaran atau penyalinan Resit Urus Niaga adalah RM15.00 bagi setiap permintaan.

(b) Penggantian Kad yang hilang atau kecurian mengikut Fasal 5.7.

(vi) Penyata bulanan akan diberikan secara percuma kepada Ahli Kad. Walau bagaimanapun, apa-apa permohonan tambahan untuk mendapatkan salinan penyata akan dikenakan caj sebanyak RM5.00 bagi setiap set.

(vii) Fi guaman (pada asas Peguamcara dan Klien) dan belanja lain yang ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasakan hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini dan bagi mendapat kembali wang hutang Ahli Kad kepada Bank di bawah Akaun Kadnya.

(viii) Sebarang cukai yang dikenakan dan perlu dibayar, sama ada berkuatkuasa pada masa ini atau bakal dilaksanakan dan boleh dikenakan oleh undang-undang.

(ix) Fi dan caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad.

10.2 Walau apa pun peruntukan di atas, Bank hendaklah berhak atas budi bicaranya sendiri untuk mengubah kadar atau kaedah pengiraan Fi Pendahuluan Tunai, fi tahunan, caj pengendalian, caj tambahan, Caj Kewangan, kadar faedah, bayaran minimum yang ditetapkan dan/atau caj bayaran lewat serta fi dan caj lain dengan memberi notis 21 hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad berhubung dengan apa-apa perubahan sedemikian.

**11. KEINGKARAN**

11.1 Bank boleh atas budi bicara mutlaknya dan pada bila-bila masa dengan notis dan tanpa memberi apa-apa sebab membatal/memansuhkan Kad atau enggan memperbaharui Kad atau menggantung atau mengehad penggunaan Kad oleh Ahli Kad Utama dan mana-mana Ahli Kad Tambahan di bawah Akaun Kadnya.

11.2 Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejas Fasal 11.1 di atas, jika:

(i) Ahli Kad ingkar dalam pembayaran mana-mana wang yang dengan ini diwaad untuk dibayar dengan cara yang diperuntukkan di dalam selepas pembayaran menjadi genap masa sama ada diminta secara formal atau tidak; atau

(ii) Ahli Kad melampaui Kemudahan Kreditnya yang diberikan oleh Bank; atau

(iii) Ahli Kad melanggar mana-mana terma Perjanjian ini dalam apa juapun cara; atau

(iv) Ahli Kad melakukan tindakan kebankrapan atau menjadi bankrap atau membenarkan apa-apa penghakiman terhadapnya tidak diselesaikan selama lebih daripada tiga puluh (30) hari; atau

(v) Penahanan pelaksanaan distres atau prosiding undang-undang yang lain telah dikenakan, dikuat kuasa atau dikeluarkan terhadap harta Ahli Kad dan tidak dilepaskan atau tertahan dalam masa 7 hari; atau

(vi) Bank memutuskan atas budi bicara mutlaknya sendiri bahawa kedudukan kewangan Ahli Kad adalah atau telah menjadi tidak baik dan/atau apa-apa kejadian atau kejadian-kejadian telah berlaku atau wujud keadaan yang boleh atau mungkin menjejaskan keupayaannya untuk memenuhi terma-terma Perjanjian ini atau telah menjadi lemah; atau

(vii) Ahli Kad gagal membayar apa-apa jumlah wang yang telah genap masanya dan wajar dibayar oleh Ahli Kad di bawah dan berkaitan dengan mana-mana pinjaman atau akaun atau kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad oleh Bank atau mana-mana subsidiary dan/atau syarikat yang berkaitan dengan Bank termasuk PB Islamic Bank Berhad dan Public Investment Bank Berhad selepas ia menjadi genap masa sama ada diminta secara formal atau tidak; atau

(viii) Ahli Kad meninggal dunia atau menjadi kurang siuman; waktu itu, sekiranya berlaku mana-mana kejadian demikian, Bank boleh melalui notis bertulis kepada Ahli Kad dan atas budi bicara mutlaknya, membatal/memansuhkan Kad.

11.3 Apabila Kad dibatalkan atau apabila hak Ahli Kad Utama atau Ahli Kad Tambahan untuk menggunakan Kad seperti yang disebut lebih awal dimansuhkan, digantung, atau dihadkan, semua manfaat dan keistimewaan yang dinikmati atau yang disediakan untuk Ahli Kad hendaklah dibatalkan, dimansuhkan, dan digantung dan semua wang yang belum bayar kepada Bank oleh Ahli Kad di bawah keseluruhan Akaun Kadnya hendaklah serta-merta menjadi genap masanya dan wajar dibayar dan apabila diminta oleh Bank, Ahli Kad hendaklah menjelaskan keseluruhan Akaun Kadnya.

11.4 Dengan ini Ahli Kad maklum bahawa jika Kad dibatalkan atau dimansuhkan, segala butir-butir Kad mungkin diletakkan dalam Senarai Pembatalan yang mungkin diedarkan kepada semua Saudagar Dibenarkan dan/atau institusi Ahli Visa International/Mastercard Worldwide dan semua cawangan Bank.

11.5 Dengan tidak menyentuh peruntukan lain Perjanjian ini, Ahli Kad bersetuju bahawa dia hendaklah tidak merugikan dan menanggung rugi Bank bagi apa-apa kerugian, ganti rugi, kos dan belanja (guaman atau dengan cara lain termasuk kos pada asas Peguamcara dan Klien), yuran dan caj, kos bayaran pos atau kiriman kurier dan apa-apa belanja atau caj lain yang mungkin ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasa atau usaha untuk menguatkuasa pembayaran mengikut Fasal 9 dan dalam menguatkuasa haknya mengikut Perjanjian ini terhadap Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Tambahan.

11.6 Selanjutnya, dengan tidak menyentuh pembatalan/pemansuhan Kad seperti yang disebut lebih awal, Ahli Kad boleh tertakluk pada permintaan bertulis kepada Bank memohon pengembalian semula Akaun Kad setelahpenyelesaian penuh semua wang yang belum dibayar di bawah Akaun Kad. Dengan ini Ahli Kad maklum bahawa Bank hendaklah mempunyai budi bicara mutlak untuk menerima atau menolak permintaan yang tersebut dan pengembalian semula Akaun Kad oleh Bank hendaklah mengikut terma dan syarat yang sama seperti yang dibekalkan di dalam ini atau terma dan syarat lain demikian yang boleh ditentukan oleh Bank.

**12. KECUALIAN LIABILITI**

12.1 Bank hendaklah dalam apa-apa keadaan tidak dipertanggungjawabkan atas ganti rugi yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh Ahli Kad berkenaan dengan apa-apa penyataan representasi, komunikasi dan implikasi yang berhubung dengan atau yang timbul daripada atau apa-apa pemansuhan, gantungan atau sekatan terhadap penggunaan Kad oleh Ahli Kad Utama atau Ahli Kad Tambahannya termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa penyenaraian Kad dalam Senarai Pembatalan.

12.2 Bank hendaklah tidak dipertanggungjawabkan atas apa-apa ganti rugi atau kerugian yang ditanggung oleh Ahli Kad yang timbul daripada apa-apa tindakan atau peninggalan mana-mana Saudagar Dibenarkan atau institusi Ahli Visa International/Mastercard Worldwide, dengan apa cara pun sebabnya, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa penahanan dan/atau keengganan untuk melayani Kad atau apa-apa penyataan, representasi dan komunikasi yang dibuat oleh Saudagar Dibenarkan atau institusi Ahli Visa International/Mastercard Worldwide demikian atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barangan yang dibeli atau perkhidmatan yang diberikan.

12.3 Ahli Kad boleh mengendalikan apa-apa tuntutan atau pertikaian secara langsung dengan Saudagar Dibenarkan atau institusi Ahli Visa International/Mastercard Worldwide dan mengaku janji tidak menangguhkan apa-apa pembayaran mengikut Fasal 9 kepada Bank disebabkan tuntutan atau pertikaian demikian atau di bawah apa jua pun keadaan.

12.4 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan jika Bank tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini, secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kegagalan mana-mana mesin, sistem atau pemberian kuasa, pemprosesan data atau system komunikasi atau hubungan penghantaran atau mana-mana pertikaian perusahaan, perang, bencana alam atau apa-apa sahaja yang di luar kawalan Bank, pekerjanya atau ejennya.

12.5 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan jika Bank tidak dapat mengeluarkan atau menghantar Penyata kepada Ahli Kad atas apa-apa sebab, liabiliti Ahli Kad terhadap faedah akan berterusan dan untuk tujuan mengira faedah dan menetapkan tarikh bayaran menjadi genap masa, Bank boleh memilih suatu tarikh pada setiap bulan sebagai tarikh penyata.

12.6 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa urus niaga penipuan atau tidak dibenarkan atau apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang ditanggung dan/atau dikenakan oleh Ahli Kad di mana transaksi itu telah dilakukan/dilaksanakan oleh malware atau virus dalam komputer peribadi Ahli Kad ("PC") atau peranti pintar yang dimiliki/digunakan oleh Ahli Kad. Untuk tujuan ini Ahli Kad mengaku janji untuk mengambil segala langkah-langkah pencegahan yang perlu untuk mengemas kini dan melindungi PC Ahli Kad dan peranti pintar untuk memastikan bahawa peranti adalah bebas daripada malware/virus.

## 13. URUS NIAGA LUAR NEGARA/MATA WANG ASING

13.1 Ahli Kad boleh menggunakan Kad di luar Malaysia yang terdapat Saudagar Dibenar dan/atau institusi Ahli Visa International/Mastercard Worldwide.

13.2 Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk Pendahuluan Tunai melalui mana-mana ATM terpilih yang dipasang di negara-negara yang diluluskan seperti yang diumumkan oleh Bank atau mana-mana Saudagar Gabungan Visa International/Mastercard Worldwide dari semasa ke semasa. Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa semua urus niaga antara negara oleh Ahli Kad melalui ATM hendaklah tidak melanggar undang-undang yang wujud di negara tempat urus niaga dilakukan.

13.3 Sekiranya Ahli Kad menggunakan Kad dan mempunyai urus niaga dalam mata wang asing yang lain, urus niaga yang dibuat akan ditukar kepada Ringgit Malaysia menggunakan DOLAR AS sebagai mata wang asas pada tarikh butiran diterima dan/atau urusniaga akan diproses pada kadar pertukaran demikian dan pada masa demikian yang boleh ditentukan oleh Visa International/Mastercard Worldwide atas budi bicara mutlaknya termasuk spread pertukaran asing sebanyak 1.25%. Kadar pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang digunakan pada tarikh urus niaga disebabkan oleh turun naik pasaran. Kadar yang dikenakan demikian hendaklah terakhir dan muktamad dan Ahli Kad hendaklah menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj bank yang lain yang mungkin dengan demikian terlibat.

13.4 Di mana sahaja berkenaan, Ahli Kad hendaklah mematuhi peraturan/notis Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan dengan mana-mana urus niaga luar negara. Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa pelanggaran peraturan/notis demikian dan apa-apa pindaan padanya.

## 14. PELBAGAI

14.1 HAK UNTUK TOLAK SELESAI DAN PENYATUAN

(a) Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh atas budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun(-akaun) Ahli Kad termasuk akaun dikekalkan dengan Bank dan/atau nama Ahli Kad secara bersama dengan pihak lain (sama ada pinjaman deposit semasa atau walau apa pun bentuk lain dan dalam apa pun mata wang) biar di mana pun, dengan mana-mana liabiliti Ahli Kad bawah mana-mana perjanjian lain dengan Bank dan tolak selesai atau memindah mana-mana jumlah kredit tertunggak untuk mana-mana satu atau lebih akaun tersebut, perjanjian atau kontrak dalam atau dari asset lain Ahli Kad atau cagaran yang dipegang Bank atau semua subsidiari dan syarikat berkaitan Bank dan Kumpulan PBB untuk menyelesaikan mana-mana liabiliti Ahli Kad yang tertunggak dan perlu dibayar kepada Bank bawah Perjanjian ini dan semua subsidiari dan syarikat berkenaan Bank dan Kumpulan PBB. Sekiranya gabungan penyatuan tolak selesai atau pemindahan demikian memerlukan pertukaran mata wang kepada mata wang yang lain, pertukaran demikian hendaklah dihitung mengikut kadar pertukaran semasa Bank yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya sendiri.

(b) Bank hendaklah memberikan Ahli Kad notis tujuh (7) hari calendar terlebih dahulu secara bertulis sebelum penolakan selesai bagi membayar apa-apa wang yang perlu dibayar kepada Bank di bawah Perjanjian ini.

14.2 UNDANG-UNDANG

Perjanjian antara Bank dengan Ahli Kad ini hendaklah dianggap telah dilaksanakan dan dibuat di Ibu Pejabat Bank di Kuala Lumpur dan apa-apa pelanggaran terma yang disebut di dalam perjanjian ini hendaklah dianggap berlaku di Kuala Lumpur tidak kira di mana Ahli Kad bermastautin.

14.3 PENEPIAN

Masa hendaklah menjadi inti pati Perjanjian ini tetapi kegagalan untuk melaksanakan atau kelewatan dalam menjalankan apa-apa hak kuasa keistimewaan atau remedi oleh pihak bank tidak boleh disifatkan sebagai penepiannya, begitu juga amalan mana-mana satu atau sebahagian daripada apa-apa hak kuasa keistimewaan atau remedi hendaklah tidak menghindar apa-apa amalan lain atau amalan lanjutnya atau amalan apa-apa hak kuasa keistimewaan

atau remedy yang lain. Hak dan remedi yang diperuntukkan di dalam perjanjian ini adalah kumulatif dan bukannya eksklusif daripada mana-mana hak atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang.

14.4 PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

Dengan tidak menyentuh perkara lain yang terkandung dalam Perjanjian ini, hak dan kelayakan Bank di bawah perjanjian ini hendaklah terus kekal berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya dan hendaklah terpelihara daripada apa-apa pembatalan, pemansuhan atau penggantungan Kad oleh Bank.

14.5 VARIASI

Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Ahli Kad mengubah, menambah atau meminda terma dan syarat yang dibentangkan di dalam Perjanjian ini atau mengubah fi dan caj yang kena dibayar dalam Akaun Kad dan pertukaran demikian hendaklah diguna pakai pada tarikh kuat kuasa yang ditentukan oleh Bank dan hendaklah diguna pakai kepada semua baki belum jelas dalam Akaun Kad. Perubahan dalam terma dan syarat atau fi dan caj hendaklah disampaikan oleh Bank kepada Ahli Kad melalui Penyata Bulanan Akaun, atau melalui pemberitahuan di laman web Bank atau melalui sebarang cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank. Sekiranya Ahli Kad tidak bersetuju dengan perubahan, tambahan dan/atau pindaan demikian, Ahli Kad hendaklah menyerahkan Kad yang dipotong dua kepada Bank atau memaklumkan kepada Bank secara bertulis dan memusnahkan/mengeluarkan cip daripada Kad tersebut, kegagalan penerimaannya Kad yang dipotong dua atau menerima pemberitahuan secara bertulis mengenainya, hendaklah dianggap sebagai penerimaan Ahli Kad terhadap perubahan, tambahan dan/atau pindaan demikian.

14.6 PENDEDAHAN

Bank hendaklah berhak menyemak kedudukan kredit mana-mana pemohon Kad dan/atau menyemak kedudukan kredit Ahli Kad pada bila-bila masa ketika dan apabila dianggap wajar oleh Bank tanpa merujuk kepada Ahli Kad, dengan majikan atau prinsipalnya atau mana-mana agensi pelaporan kredit yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010. Dengan ini Ahli Kad memberi kuasa kepada Bank dan/atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, membuka atau membongkar apa-apa maklumat berkaitan dengan Ahli Kad atau Akaun Kadnya atau perilakunya (kewangan atau dari sudut lain) dengan cara demikian dan sehingga tahap demikian yang dianggap perlu oleh Bank dari semasa ke semasa:

(a) Kepada mana-mana saudagar, mana-mana Bank atau institusi kewangan atau mana-mana pihak, termasuk tetapi tidak terhad pada Visa International Services Association dan/atau Mastercard Worldwide dan mana-mana institusi ahli Visa International/Mastercard Worldwide (remove atau mana-mana pihak yang berkepentingan) untuk apa-apa tujuan atau untuk memudahkan penggunaan Kad atau pemprosesan mana-mana urus niaga yang dilaksanakan atau akan dilaksanakan melalui penggunaan Kad atau apa-apa penyiasatan berhubung dengan apa-apa tuntutan mana-mana penggunaan atau berupa penggunaan atau penyalahgunaan Kad.

(b) Kepada penasihat atau perunding Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada peguamnya, akauntan dan juruaudit untuk atau berhubung dengan apa-apa tuntutan yang dibuat, apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil dengan tujuan mendapatkan kembali wang yang genap masanya dan wajar dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank di bawah Perjanjian ini.

(c) Kepada mana-mana pihak berkuasa atau biro yang ditubuhkanoleh Bank Negara Malaysia (BNM)termasuk Biro Kredit, Biro Maklumat Cek (BMC) dan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) atau apa-apa biro atau badan lain yang ditubuhkan atau diluluskan oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa terhadap Bank untuk mematuhi mana-mana obligasi undang undang dan/atau untuk tujuan pentadbiran atau pengawalseliaan.

d) Kepada mana-mana ejen luar Bank yang diluluskan, termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen pemungut hutang Bank, ejen telepemasaran dan ejen jualan langsung dan ejen pemasaran atau mana-mana rakan perniagaan strategik atau mana-mana pihak ketiga yang merupakan penyedia program ganjaran, kesetiaan atau manfaat, untuk pelbagai tujuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemungutan atau pemerolehan semula apa-apa jumlah yang terhutang dan perlu dibayar di bawah Kad ini, pemasaran produk dan perkhidmatan Bank atau rakan perniagaan strategic atau mana-mana pihak ketiga yang merupakan penyedia program ganjaran, kesetiaan atau manfaat dengan Bank.

Dengan ini Ahli Kad selanjutnya bersetuju, memberi kuasa dan membenarkan bahawa selagi apa-apa wang yang genap masa di bawah Akaun Kad yang masih belum jelas, Bank hendaklah berhak untuk mendedahkan maklumat tentang urusannya (termasuk akaun ahli kad dan/atau akaun masa depannya) dengan Bank kepada PublicIslamic Bank Berhad, Public Investment Bank Berhad atau syarikat yang sedang atau pada masa depan mungkin menjadi subsidiari dan/atau syarikat yang berkaitan dengan Bank dan bahawa subsidiarysubsidiari dan/atau syarikat yang berkaitan Bank hendaklah juga berhak untuk membuat pendedahan demikian kepada Bank dan/atau kepada subsidiari-subsidiari lain dan/atau syarikat yang berkaitan.

14.7 NOTIS

(i) Ahli Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis tentang apa-apa perubahan nombor telefon dan/atau pertukaran alamat dan/atau pekerjaan atau perniagaan dan niatnya untuk keluar dari Malaysia selama lebih daripada 30 hari.

(ii) Apa-apa penyata akaun surat-menyurat atau notis kepada Ahli Kad boleh dihantar dengan salah satu cara berikut:

(a) Dihantar dengan tangan atau dikirim melalui pos prabayar kepada alamat Ahli Kad yang tercatat pada Borang Permohonan Kad Bank atau kepada alamat lain demikian yang diberitahu oleh Ahli Kad kepada Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah dianggap telah diterima pada masanya oleh Ahli Kad di dalam masa 3 Hari Perniagaan selepas dipos.

(b) Melalui mel elektronik ke alamat emel Pelanggan yang diketahui dalam rekod Bank dan pemberitahuan tersebut hendaklah dianggap sebagai diterima dua puluh empat (24) jam selepas dihantar;

(c) Dengan mempamerkan di premis perniagaan Bank dan pemberitahuan tersebut hendaklah dianggap sebagai berkuat kuasa apabila dipamerkan;

(d) Melalui iklan dalam satu sisipan di akhbar nasional dan pemberitahuan tersebut hendaklah dianggap berkuat kuasa pada tarikh iklan tersebut diterbitkan dalam akhbar berkenaan;

(e) Dengan menyisipkan satu notis dalam Penyata Ahli Kad dan pemberitahuan tersebut hendaklah dianggap berkuat kuasa dalam tempoh dua hari Perniagaan selepas tarikh notis yang terkandung dalam Penyata Akaun kepada Ahli Kad dipos;

(f) Dengan menyiarkan mesej dalam laman web Bank;

(g) Jika dimaklumkan kepada Ahli Kad dalam apa juga cara sebagaimana yang dianggap wajar oleh Bank.

Apa-apa kegagalan pada pihak Ahli Kad untuk memberitahu apa-apa perubahan alamatnya sehingga menyebabkan kelewatan atau pemulangan penyata bulanan surat-menyurat atau notis hendaklah tidak menjejaskan hak dan milik Bank di bawah Perjanjian ini.

14.8 PENYAMPAIAN NOTIS

Dengan ini Ahli Kad bersetuju bahawa penyampaian apa-apa notis atau apa-apa proses undang-undang bagi apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini boleh dilaksanakan dengan mengemukakan satu salinan notis yang sama melalui pos ke alamat terakhir Ahli Kad yang diketahui yang tercatat pada Borang Permohonan Kad Bank atau kepada alamat lain demikian yang diberitahu oleh Ahli Kad kepada Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah dianggap telah disampaikan pada masa mengepos Notis dan dalam menyediakan penyerahan adalah memadai untuk membuktikan bahawa Notis yang sama telah dialamatkan dengan sepatutnya dan diletakkan dalam pos walaupun terdapat apa-apa keterangan yang bertentangan.

14.9 SIJIL KEBERHUTANGAN

Suatu sijil yang ditandatangani oleh pegawai Bank berkenaan dengan wang yang buat masa itu genap masa dan belum dibayar kepada Bank daripada Ahli Kad hendaklah menjadi keterangan atau bukti yang terakhir dan muktamad bahawa amaun yang muncul di dalamnya adalah genap masanya dan belum dibayar dan wajar dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank dalam mana-mana prosiding undang-undang. Apa-apa pengakuan atau perakuan secara bertulis oleh Ahli Kad atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Ahli Kad tentang amaun keberhutangan Ahli Kad kepada Bank dan apa-apa penghakiman yang didapatkan kembali oleh Bank terhadap Ahli Kad berhubung dengan keberhutangan demikian hendaklah mengikat dan muktamad dalam mana-mana mahkamah di dalam dan di luar Malaysia. Ahli Kad mengakui dan bersetuju bahawa Bank berhak untuk menggunakan perkhidmatan agensi pemungut hutang luar yang diluluskan oleh BNM bagi tujuan untuk mengutip semua hutang bagi pihak Bank dari semasa ke semasa dan wang yang terhutang oleh Ahli Kad. Bank juga berhak untuk menjual pinjaman tidak berbayar kepada pihak ketiga.

14.10 KEBOLEHASINGAN

Ketaksahan dan ketakbolehkuatkuasaan mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian ini hendaklah tidak dari segi isinya membatalkan niat yang mendasari Perjanjian ini dan peruntukan yang tak sah atau tak boleh dikuatkuasakan hendaklah menjadi berasingan dan ketaksahan dan ketakbolehkuatkuasaan mana-mana terma atau peruntukan Perjanjian ini hendaklah tidak menjejaskan kesahan dan kebolehkuatkuasaan terma atau peruntukan lain yang terkandung di dalam ini yang hendaklah terus kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

14.11 TERMA DAN SYARAT LAIN

Terma dan syarat yang disebut di dalam Perjanjian ini hendaklah menjadi tambahan kepada dan bukan pengurangan kuasa bagi mana-mana perjanjian khusus atau perjanjian yang berkaitan dengan setiap kemudahan di bawah kemudahan Kad sekarang dan kemudian dari ini yang terus hidup dari semasa ke semasa antara Bank dengan Ahli Kad atau mana-mana terma dan syarat yang boleh dinyatakan dalam apa-apa surat tawaran yang diberikan oleh Bank kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa.

14.12 PERJANJIAN PENGGANTIAN

Semua perjanjian atau persetujuan terdahulu, jika ada, antara Bank dengan Ahli Kad, secara bertulis atau lisan, dengan ini terbatal dan digantikan oleh Perjanjian ini.

Dengan ini, adalah dipersetujui dengan nyata di antara pihakpihak kepada perjanjian ini bahawa sekiranya terdapat pertikaian, percanggahan atau perbezaan dalam terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia Perjanjian ini, terma dan syarat versi bahasa Inggeris akan diterima pakai.

# *Ini ialah Sijil Insurans anda*

| Jenis Kad | Jumlah Pokok yang Diinsuranskan |
|---|---|
| Visa Platinum Mutual Gold | RM500,000 |

Program Insurans ini ialah suatu perkhidmatan eksklusif untuk Ahli Kad Penjenamaan Bersama Visa/Mastercard Public Bank. Anda berhak mendapatnya secara automatik tanpa caj. Ia direka bentuk untuk menjadikan perjalanan anda, sama ada untuk tujuan perniagaan atau hiburan, lebih bebas tanpa diganggu kerunsingan. Pastikan anda menikmati faedahnya. Insurans ini akan melindungi semua Ahli Kad Penjenamaan Bersama Visa/Mastercard, pasangan perkahwinan mereka yang sah dan anak tanggungan mereka yang berumur di bawah 23 tahun yang mengecaj tambang penuh pengangkutan biasa kepada Akaun Kad Penjenamaan Bersama Visa/Mastercard Ahli Kad.

Dikeluarkan oleh :

**LONPAC INSURANCE BHD**
(307414-T)

(di sini disebut sebagai Syarikat)
Ibu Pejabat: Tingkat 21, Bangunan Public Bank, 6, Jalan Sultan Sulaiman, P.O. Box 10708, 50722 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-2262 8688 / 2723 7888 Faks: 03-2072 3385

## BUTIR-BUTIR PERLINDUNGAN

Polisi ini beroperasi apabila Orang yang Diinsuranskan/Pihak yang Diinsuranskan mengecajkan tambang penuh pengangkutannya kepada Kad Penjenamaan Bersama Visa/Mastercard PB.

Insurans Kemalangan Kembara

| | Jumlah Pokok yang Diinsuranskan | | |
|---|---|---|---|
| **Jenis Kad** | **Ahli Kad** | **Suami/Isteri** | **Anak** |
| Visa Platinum Mutual Gold | RM500,000 | RM300,000 | RM200,000 |

Sekiranya berlaku kecederaan anggota akibat secara sepenuhnya, langsung dan secara bebas daripada kemalangan yang berlaku semasa perjalanan dalam sebuah pesawat yang sama yang mengakibatkan Kehilangan yang diterangkan dalam jadual tersebut, Syarikat akan menanggung rugi Orang yang Diinsuranskan berdasarkan skala pampasan tertakluk pada terma dan syarat Polisi.

# INSURANS KEMBARA AUTOMATIK

| Perincian Kehilangan | Peratusan Jumlah Pokok |
|---|---|
| Kematian Akibat Kemalangan | 100% |
| Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh | 100% |
| Lumpuh semua anggota secara kekal dan tidak boleh sembuh | 100% |
| Hilang penglihatan kekal dan menyeluruh pada kedua-dua mata | 100% |
| Hilang penglihatan kekal dan menyeluruh pada sebelah mata | 100% |
| Hilang atau hilang secara kekal dan menyeluruh penggunaan dua anggota | 100% |
| Hilang atau hilang secara kekal dan menyeluruh penggunaan satu anggota | 100% |
| Hilang daya pertuturan dan pendengaran | 100% |
| Hilang pendengaran kekal pada | |
| a) kedua-dua belah telinga | 75% |
| b) sebelah telinga | 25% |
| Hilang daya pertuturan | 50% |
| Hilang penglihatan kekal dan menyeluruh pada sebelah mata | 50% |
| Hilang atau hilang secara kekal dan menyeluruh empat jari dan ibu jari | 60% |

**INSURANS KETIDAKSELESAAN KEMBARA**

- *Kelewatan Penerbangan/Terlepas Penerbangan Sambungan*
  Sekiranya penerbangan berjadual yang telah disahkan atau penerbangan berjadual terus yang telah disahkan bagi Orang yang Diinsuranskan terlepas dari mana-mana lapangan terbang tertunda selama EMPAT JAM atau lebih, dibatalkan atau Orang yang Diinsuranskan dinafikan hak untuk menaiki kapal terbang kerana tempat duduknya habis ditempah dan tiada pengangkutan alternatif disediakan kepada Orang yang Diinsuranskan dalam masa empat jam dari masa berlepas bagi penerbangan yang dijadualkan, Syarikat akan menanggung rugi Orang yang Diinsuranskan bagi bayaran yang ditanggung untuk:
  i) Makanan, minuman, penginapan hotel, belanja perjalanan yang tanggung berada di lapangan terbang dan hotel, bil telefon
  ii) Pakaian yang sangat perlu dan keperluan jika bagasi telah didaftar masuk.

| | **Kelewatan Penerbangan/ Terlepas Penerbangan Sambungan** | |
|---|---|---|
| **Jenis Kad** | **Ahli Kad** | **Suami/Isteri dan Anak** |
| Visa Platinum Mutual Gold | Sehingga RM400 | Sehingga RM400 |

- *Kelewatan Bagasi*
  Sekiranya bagasi Orang yang Diinsuranskan yang didaftar masuk dengan pesawat yang sama tidak dihantar kepadanya dalam masa ENAM JAM selepas ketibaan Orang yang Diinsuranskan di destinasi yang dijadualkan bagi penerbangan tersebut, Syarikat akan menanggung rugi Orang yang Diinsuranskan bagi caj yang ditanggung dalam masa 24 jam ketibaannya di destinasi yang dijadualkan bagi pembelian kecemasan yang membabitkan pakaian dan keperluan penting.

| | **Kelewatan Bagasi** | |
|---|---|---|
| **Jenis Kad** | **Ahli Kad** | **Suami/Isteri dan Anak** |
| Visa Platinum Mutual Gold | Sehingga RM400 | Sehingga RM400 |

- *Kehilangan Bagasi*
  Sekiranya bagasi Orang yang Diinsuranskan yang mendaftar masuk tidak dihantar kepadanya dalam masa 24 JAM setelah ketibaan Orang yang Diinsuranskan di destinasi yang dijadualkan bagi penerbangan tersebut, bagasi demikian akan dianggap hilang dan Syarikat akan menanggung rugi Orang yang Diinsuranskan bagi caj yang ditanggung berkenaan dengan pembelian kecemasan untuk pakaian dan keperluan penting.

| | **Kehilangan Bagasi** | |
|---|---|---|
| **Jenis Kad** | **Ahli Kad** | **Suami/Isteri dan Anak** |
| Visa Platinum Mutual Gold | Sehingga RM1,000 | Sehingga RM500 |

- *Pembatalan Perjalanan*
  Jika perjalanan dibatalkan oleh sebab kematian, kecederaan teruk kepada Orang yang Diinsuranskan, keluarga atau pasangan perjalanan, atau rumah tidak lagi boleh didiami berikutan kebakaran, ribut atau banjir, Syarikat akan menanggung rugi Orang yang Diinsuranskan.

| | **Pembatalan Perjalanan** | |
|---|---|---|
| **Jenis Kad** | **Ahli Kad** | **Suami/Isteri dan Anak** |
| Visa Platinum Mutual Gold | Sehingga RM400 | Sehingga RM800 |

- *Perbelanjaan Repatriasi*
  Sekiranya berlaku kemalangan maut yang mengakibatkan kehilangan nyawa Orang yang Diinsuranskan berpunca daripada peristiwa yang dilindungi insurans, Syarikat akan menanggung rugi untuk kos yang ditanggung bagi repatriasi mayat Orang yang diurus.

| | **Perbelanjaan Repatriasi** | |
|---|---|---|
| **Jenis Kad** | **Ahli Kad** | **Suami/Isteri dan Anak** |
| Visa Platinum Mutual Gold | Sehingga RM2,500 | Sehingga RM2,000 |

- *Perbelanjaan Perjalanan*
  Sekiranya berlaku kemalangan maut yang mengakibatkan kehilangan nyawa Orang yang Diinsuranskan yang berpunca daripada peristiwa yang dilindungi insurans, Syarikat akan menanggung rugi bagi kos yang ditanggung bagi perbelanjaan perjalanan yang ditanggung bagi keluarga Orang yang Diinsuranskan untuk mengiringi mayat pulang ke negara asalnya.

| | **Perbelanjaan Perjalanan** | |
|---|---|---|
| **Jenis Kad** | **Ahli Kad** | **Suami/Isteri dan Anak** |
| Visa Platinum Mutual Gold | sehingga to RM2,500 | |

**PENGECUALIAN**

Dasar ini tidak meliputi apa-apa kerugian yang disebabkan:

1. Peperangan dan berkaitan nuklear
2. Keganasan
3. Rusuhan
4. Perbuatan jenayah
5. Bunuh diri
6. Perjalanan selain daripada sebagai penumpang

**TUNTUTAN**

1. Semua maklumat dan bukti yang dikehendaki oleh Syarikat dan ejen-ejennya hendaklah disediakan dengan perbelanjaannya ditanggung oleh Orang yang Diinsuranskan atau wakil peribadinya dan hendaklah dalam bentuk dan jenis yang akan ditentukan oleh Syarikat.
2. Notis bertulis tentang semua tuntutan mestilah diberi tidak lebih dari 21 hari selepas peristiwa yang mewujudkan tuntutan berkenaan kepada **LONPAC INSURANCE BERHAD**, Tingkat 21, Bangunan Public Bank 6, Jalan Sultan Sulaiman, 50722 Kuala Lumpur. Tel: 03-2070 0455.
3. Maklumat/dokumen yang berikut mesti dibekalkan kepada Syarikat:
   (a) Salinan-salinan Borang Caj yang mengesahkan bahawa tiket penerbangan yang relevan telah dicaj kepada Kad Penjenamaan Bersama Visa/Mastercard Public Bank.
   (b) Salinan-salinan Borang Caj dan resit pembelian yang terlibat dengan perbelanjaan yang dialami yang berkait dengan pampasan.
   (c) Berkait dengan kehilangan atau kelewatan bagasi, sertakan satu salinan Laporan.
   Kehilangan Bagasi daripada Syarikat Penerbangan.
   (d) Butiran penuh Penerbangan (nombor penerbangan, lapangan terbang berlepas, tempat tujuan, masa berlepas, lapangan terbang ketibaan).
   (e) Butiran penuh Kelewatan atau Kehilangan yang dialami.
   (f) Butiran penuh perbelanjaan untuk tuntutan pembayaran.
   (g) Pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan atau ejennya tentang kelewatan waktu berlepas/pembatalan penerbangan/tidak dibenar menaiki kapal terbang. Sekiranya melibatkan kelewatan penerbangan, nyatakan jumlah jam kelewatan dan tarikh/masa penerbangan lain yang ada.

Dokumen pemasaran ini bukan kontrak insurans. Terma, syarat dan pengecualian yang terpakai bagi insurans ini dinyatakan di dalam Polisi.

## INSURANS KEMALANGAN PERIBADI

# RM20,000

Pelan insurans ini, eksklusif untuk Ahli Kad Kredit Emas PB-Petron Visa tanpa caj, menginsuranskan Ahli Kad Utama dan Tambahan terhadap kehilangan nyawa akibat daripada kemalangan yang berlaku semasa memandu kenderaan persendirian di Malaysia untuk perlindungan insurans sebanyak RM20,000.

Dikeluarkan oleh :

**LONPAC INSURANCE BHD**
(307414-T)

(di sini disebut sebagai Syarikat)
Ibu Pejabat: Tingkat 21, Bangunan Public Bank, 6, Jalan Sultan Sulaiman,
P.O. Box 10708, 50722 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-2262 8688 / 2723 7888 Faks: 03-2072 3385

**1. PENGECUALIAN**

Tiada faedah dibayar di bawah polisi ini berkenaan dengan:-

1.1 Orang Yang Diinsuranskan yang terbabit dalam aktiviti berikut:-
- (a) Apa juga jenis perlumbaan
- (b) Ujian penentuan rentak, percubaan kebolehupayaan dan ujian kelajuan
- (c) Memandu kereta persendirian untuk membawa barang dan penumpang untuk sewaan atau upah

1.2 Pemandu yang tiada lesen atau pemegang lesen sementara

1.3 Kecederaan badan yang menyebabkan kematian akibat daripada atau yang disebabkan oleh:-
- (a) Kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri, bunuh diri, gila atau penggunaan alkohol
- (b) Pengambilan apa-apa jenis dadah kecuali yang diambil mengikut arahan dan preskripsi daripada pengamal perubatan yang berdaftar
- (c) Kehamilan atau melahirkan anak
- (d) Sindrom Daya Kurang Tahan Penyakit (AIDS) atau komplikasi berkaitan AIDS walau apa sekalipun nama sindrom berkenaan
- (e) Tindakan Ahli Kad atau benefisiari, wasi, pentadbir atau warisnya yang sah yang menyalahi undang-undang
- (f) Apa-apa kecacatan fizikal yang sedia ada atau lemah anggota badan

1.4 Akibat-akibat daripada pencerobohan, tindakan penentangan oleh musuh asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), pemberontakan umum, revolusi atau kuasa tentera atau perebutan kuasa atau penyertaan Orang Yang Diinsuranskan dalam tunjuk perasaan, mogok atau rusuhan awam.

1.5 Kecederaan badan secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau disumbangkan oleh atau disebabkan atau berikutan daripada:-
(a) Radiasi atau pencemaran pengion oleh keradioaktifan bahan api nuklear atau apa-apa sisa nuklear atau bahan api nuklear. Semata-mata bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses topangan diri atau pembelahan nuklear
(b) Bahan-bahan senjata nuklear

**2. TUNTUTAN**

2.1 Semua maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah dibekalkan dengan perbelanjaan ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadinya dan hendaklah dalam bentuk dan jenis yang akan ditentukan oleh Syarikat.

2.2 Notis bertulis bagi semua tuntutan mesti diberi tidak kurang dari 21 hari selepas peristiwa yang menyebabkan perlunya untuk membuat tuntutan kepada LONPAC INSURANCE BERHAD, Tingkat 21, Bangunan Public Bank, 6, Jalan Sultan Sulaiman, 50722 Kuala Lumpur. Tel.: 03-2262 8688 / 2723 7888.

2.3 Maklumat/Dokumen berikut mestilah dibekalkan kepada Syarikat:-
(a) Borang tuntutan
(b) Laporan Polis
(c) Sijil Kematian
(d) Laporan Post Mortem
(e) Lesen Memandu dan Kad Pengenalan (Salinan) orang yang telah meninggal dunia
(f) Surat Pentadbiran
(g) Apa-apa dokumen lain yang mungkin diperlukan

Dokumen pemasaran ini bukan kontrak insurans. Terma, syarat dan pengecualian yang terpakai bagi insurans ini dinyatakan di dalam Polisi. Ahli Kad boleh meneliti Polisi Induk yang dipegang oleh Public Bank Berhad dan yang menjadi dokumen yang akan digunakan untuk menentukan tuntutan.

NOTA

# KHIDMAT PELANGGAN

**KAD HILANG**

Untuk Kad yang hilang atau dicuri, sila hubungi 03-2176 8555 atau kunjungi bank ahli Visa International/Mastercard Worldwide yang berhampiran untuk membuat laporan. Laporkan mengenai Kad yang hilang atau dicuri dengan serta-merta. Jika no. PIN rahsia anda diketahui, anda mesti melaporkannya dengan serta-merta. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Fasal 5 Perjanjian Ahli Kad.

**PERKHIDMATAN TELEFON 24 JAM**

Untuk bantuan bagi masalah berkaitan Kad di Malaysia, khidmat pelanggan kami disediakan 24 jam setiap hari dengan menelefon 03-2176 8000.